#### BAB III

# DAKWAH TARTQAH AHMAD TYYAH MENERUSI BIDANG SOSIO EKONOMI

#### Pendahuluan

Di dalam bab ini, tumpuan perbincangan kajian ialah mengenai hubungan sosial dan ekonomi dalam ajaran tariqah Ahmad iyyah antaranya termasuklah kegiatan dakwah di kalangan anggota-anggota tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Penulis akan menghuraikan bagaimana kegiatan dan langkah-langkah yang dibuat oleh ikhwan tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan dalam bidang sosial dan ekonomi.

Antara fokus perbincangan bidang sosial ialah pengaruh dan kesan kepemimpinan syaykh-syaykh tar iqah, khalifah-khalifahnya dan para ikhwan tar iqah. Pengaruh lisan al-hal (gerak geri, tingkah laku, kewibawaan, ketokohan dan lain-lain) oleh para syaykh tar iqah terhadap sosial masyarakat dan pengikutnya akan diterangkan. Selain itu struktur perhubungan ukhuwwah dalam pengikut tar iqah Ahmad iyyah juga disentuh seperti hubungan syaykh dengan murid, murid sesama murid dan hubungan

persaudaraan dalam tariqah dan hubungan dengan masyarakat umum. Hubungan sosial ini adalah juga dikenali sebagai *adabiyyah* dan akhlak mulia yang dianjurkan dalam Islam. Kesan-kesan hubungan sosial dan *ukhuwwah* yang dianjurkan oleh tariqah -tariqah sufiyyah itu adalah nyata dan menjadi amalan umat Islam semasa hayat Nabi s.a.w. dan selepas kewafatannya.

Sementara itu dalam bidang ekonomi pula, perbincangan adalah sekitar penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh anggota-angota tar qah Ahmad yah dalam bidang ekonomi. Penglibatan mereka dalam segala bidang yang berkaitan dengan ekonomi bukan sahaja dilihat sebagai satu usaha untuk meningkatkan pendapatan, bahkan salah satu lagi proses dakwah Islamiyyah. Melalui bidang inilah, cara hidup Islam dapat dilaksanakan dan akhirnya mereka ini menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat Islam umumnya. Konsep dakwah melalui tauladan dan cara hidup ini ada kalanya lebih berjaya menarik minat masyarakat untuk lebih mendekati kita.

# Dakwah Bil-Hal Dan Konsep Pergaulan Dalam Tariqah Ahmadiyyah

Hubungan sosial sepertimana yang dianjurkan dalam tariqah -tariqah sufiyyah, adalah hubungan yang berasaskan kepada hubungan persaudaraan (ukhuwwah) dan hubungan kasih sayang (silaturrahim) sesama muslim. Dalam amalan tasawwuf hubungan ini dijelaskan dalam amalan-amalan pengikut tariqah -tariqah sufiyyah. Ini

nyata dalam hubungan seseorang murid dengan syaykhnya, hubungan murid dengan khālifah-khālifah yang dilantik oleh syaykh dan juga hubungan murid sesama murid adalah jelas menjadi amalan penting dalam tarīqah dan ilmu taṣawwuf. Hubungan ini adalah disebut juga sebagai adābiyyah fī ilmi taṣawwuf. Adābiyah Islāmiyyah yang dimaksudkan ialah peraturan kehidupan yang perlu diikuti oleh sālik dan murid yang ingin berjaya dalam perjalanannya kepada Allah. Ajaran dalam tarīqah Ahmadīyyah telah memberi kesan dan pengaruh kepada sikap dan hubungan sosial masyarakat di Negeri Sembilan. Tetapi apa yang lebih penting ialah kesan pengaruh dan kepemimpinan syaykh-syaykh tarīqah, khālifah-khālifahnya dan para ikhwām tarīqah telah berjaya menjadi tauladan dan ikutan ramai masyarakat Islam. Sehingga ajaran tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan ketika itu menjadi sangat terkenal. Di dalam al-Qurān ada menerangkan method dakwah yang dikatakan sebagai dakwah bi al-Hikmah atau dakwah bi al-Hāl. Ini sebagaimana yang difirmankan Allah:

Serulah kepada jalan tuhanmu dengan hikmah, dan nasihat-nasihat yang baik-baik, dan bertukar fikiranlah dengan cara yang lebih baik, Sesungguhnya tuhanmu lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalannya, dan dialah yang mengetahui siapa yang mendapat petunjuknya...<sup>1</sup>

Sikap mereka, kewibawaan, ketokohan, tingkah laku dan lain-lainnya memberi kesan kepada masyarakat. Hal ini pernah ditegaskan oleh para cerdik pandai :

Gerak geri tingkah laku ketokohan seseorang tergambar dengan jelas lebih memberi kesan jika di bandingkan dengan nasihat atau pengajaran menerusi ucapan...<sup>2</sup>

Para hukama' menyifatkan bahawa perbuatan dan sikap seseorang itu mudah diikut dan dicontohi oleh seribu orang tetapi ucapan seribu orang atau nasihat baik mereka sangat sukar diikuti oleh seorang. Begitulah perumpamaan yang dinyatakan. Nabi s.a.w. sendiri sebagai contoh, bukanlah seorang yang pandai membaca dan menulis. Namun baginda telah diberikan kurnia oleh Allah untuk mengajarkan umat Islam ketika itu berhubung dengan hikmah-hikmah dan kefahaman-kefahaman yang terkandung di dalam al-Quran. Baginda Nabi s.a.w. mengajarkan hikmah-hikmah ilahiyyah, pengajaran-pengajaran yang tersirat dalam al-Quran dan membawa mesej dakwah dengan pelbagai uslub dan hikmah. Kesemuanya ini, memberi kesan dalam dakwahnya yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat Arab yang berada di dalam keadaan yang tidak tahu membaca dan menulis. Mereka itu berada dalam kegelapan dan kejahilan beragama yang amat nyata. Allah berfirman:

Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad, s.a.w.) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.<sup>3</sup>

#### Sistem Dakwah 'Ulam'a' Sufiyyah

Kesan *uslūb lisān al-hāl* ini, lebih memberi pengaruh dalam memberi hasil dalam metodologi dakwah. Nabi s.a.w. adalah sebagai satu contoh tauldan yang paling baik untuk dilihat, yang mempunyai pelbagai *uslub* dan cara dakwah. Peristiwa perjanjian *Hudaybiyyah* contohnya, memberi kesan yang amat mendalam dalam dakwah Nabi s.a.w. di Jazirah Arab. Baginda s.a.w. beserta dengan dua ribu orang sahabat keluar dari Madinah untuk mengerjakan *Umrah al-Qadhā*<sup>4</sup> di Kota Mekah. Peristiwa ini disebut oleh Allah dalam al-Quran:

Demi sesungguhnya! Allah tetap menyatakan benar RasulNya dalam perkara mimpi itu dengan kenyataan yang sebenar; iaitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjid Al-Harām - insya Allah (pada masa yang ditentukanNya) - dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah kamu) dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidak pun) menggunting sedikit rambutnya, serta kamu tidak merasa takut (akan

pengkhianatan musuh sehingga kamu keluar balik dari situ). (Allah mengangguhkan berlakunya kenyataan itu) kerana Ia mengetahui (adanya feadah dalam penangguhan itu) yang kamu tidak mengetahuinya; maka Ia menyediakan sebelum (terlaksananya mimpi) itu, satu kemenangan yang dekat (masa berlakunya)... <sup>5</sup>

Sebahagian besar penduduk Quraisy: melihat bagaimana akhlak, dan adābiyyah yang ditunjukkan oleh para sahabat dan Nabi s.a.w. sendiri. Peristiwa umat Islam mengerjakan ibadat Haji itu meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk Mekah. Akhirnya beberapa orang panglima-panglima perang Quraisy dan pembesar-pembesarnya tertarik kepada Islam<sup>6</sup>. Inilah contoh dan dakwah bi al-Hāl yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. Cara-cara umat Islam melakukan ibadat, pergaulan mereka ketika bersama-sama dengan Rasulullah, tingkah laku dan sopan santun mereka ternyata amat berbeza sekali keharmonian yang wujud di kalangan umat Islam, dan sekaligus menolak peradaban Jāhiliyyah.

Terdahulu dari itu, peristiwa penduduk Mekah melarang umat Islam mengerjakan ibadat di Kota Mekah juga memberi satu pengajaran kepada umat Islam sendiri. Di sini satu lagi uslūb dakwah bil hāl yang ditunjukkan oleh baginda Rasul s.a.w. Para sahabat pada mulanya enggan menerima isi-isi perjanjian Hudaibiyyah sehingga menyebabkan mereka terlalai dengan arahan Rasulullah supaya melakukan tahallul. Peristiwa ini menyebabkan Nabi merasa marah lalu baginda Nabi s.a.w.masuk ke dalam khemahnya dan mengadu hal tersebut kepada Ummu Salāmah r.a. Ummu Salāmah mencadangkan supaya baginda melakukan terlebih dahulu. Lalu baginda keluar dari khemahnya tanpa berkata apa-apa dan terus menyembelih dam yang

disediakan. Apabila sahabat melihat Nabi melakukan demikian maka akhirnya mereka berebut-rebut melakukan *tahallul* dengan menyembelih *dam* dan bercukur kepala.<sup>7</sup>

Inilah kekuatan *lisan al-Hāl* yang tidak bersuara tetapi lebih fasih dari lidah yang berbicara secara langsung. Sebagaimana yang kita lihat dalam peristiwa *Umrah al-Qaḍha* ini, sifat yang paling besar memegang peranan di dalam *lisan al-hal* ialah akhlak, kewibawaan dan keperibadian Nabi s.a.w. Sifat-sifat Nabi ini dijelaskan oleh al-Quran:

maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya... 8

Perintah melakukan sesuatu kebaikan dengan akhlak yang baik dan menjadi contoh tauladan serta ikutan kepada masyarakat umum itu juga, adalah datangnya dari Allah. Allah menegaskan dalam al-Quran:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari Akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Antara lain method dakwah Nabi s.a.w. juga adalah berdasarkan kepada konsep lisan al-hal. Segala tingkahlaku Nabi s.a.w. dijadikan ikutan yang baik samada dari segi perbuatannya, perkataannya, pergaulannya dan segala apa yang dinisbahkan kepada baginda. Para sahabat menjadikan baginda Nabi s.a.w. sebagai tauladan yang baik dan menjadikan gerak-laku dan perbuatan Nabi s.a.w. itu sebagai cara hidup mereka seharian. Dalam erti lain, inilah juga dikenali sebagai sunnah Nabi yang zahir dan batin.

Hubungan para sahabat dengan Rasulullah itu adalah boleh disifatkan sebagai hubungan antara seorang guru dengan seorang murid. Semasa hayat Rasulullah, bagindalah yang yang berfungsi sebagai pintu hidayat dan keberkatan yang datang dari Allah. Kemudian ianya mengalir ke dada para sahabat-sahabatnya. Maka sesudah wafat baginda Nabi s.a.w., para sahabatlah yang berfungsi mengambil peranan baginda sebagai guru kepada angkatan tabi in dan begitulah seterusnya sehinggalah sampai sekarang ini.

Sesungguhnya dalam diri para masyaykh tariqah -tariqah sufiyyah itu juga dapat dilihat menjadi satu contoh ikutan kepada masyarakat Islam sekeliling. Akhlak,

gerak geri, tingkahlaku mereka, pengajaran dan pergaulan mereka sebenarnya memberi contoh dan gambaran baik kepada masyarakat. Sehingga kadangkala mereka sendiri menjadi tempat rujukan para 'ulam'a'. Ini terbukti dengan apa yang berlaku sendiri kepada Imam Shafie rahm. Ini dinukilkan oleh Syaykh Abu Talib al-Makki katanya:

di antara mereka ('ulam'a' yang merujuk masalah kepada masyaykh tasawwuf) ialah Imam Shafi'e rahimahullahu ta'ala. Bila beliau menghadapai kekaburan masalah, disebabkan pendapat para 'ulama' yang bercanggah mengenai masalah tersebut dan jalan dalilnya sama kuat, maka beliau merujuk kepada 'ulam'a' ahli ma'rifah itu... <sup>10</sup>

Para 'ulam'a' tasawwuf itu sebenarnya adalah contoh ikutan yang baik sebagaimana yang dilakukan oleh Imam Shafie yang berguru dengan seorang syaykh taṣawwuf yang terkenal pada zamannya, iaitu Shubban al-Ra'i. Begitu juga dengan para Imam Mujtahid yang lain seperti Imam Ahmad Ibn Hanbal dan Yahya bin Mu'in yang berguru dengan Ma'aruf al-Karkhi (w.200H/815M)), Imam Abu Hanifah dan Imam Malik berguru dengan 'ulam'a' tasawwuf iaitu Imam Ja'afar al-Sadiq (148H/765M)). Begitu juga dengan Imam al-Ghazali (w.520H/1126M) antara lain guru tasawwufnya ialah Syaykh 'Ali al-Farmadi (w.477H/1084M). Mereka ini antara yang disifatkan sebagai 'ulam'a' bi-Llah dan menjadi pewaris Nabi s.a.w. Mewarisi dengan dalil-dalil daripada Allah Ta'ala, menyeru orang ramai dengan seruan kepada Allah dan mengikuti

apa yang datang dari Allah dan Rasulnya dengan amalan pada hati mereka. Inilah yang dinyatakan oleh Allah dalam firmannya:

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!

Di dalam ayat yang lain Allah berfirman:

Katakanlah (wahai Muhammad): Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain. 12

Persoalannya sekarang adakah para masyaykh tariqah tariqah sufiyyah itu mereka menjalankan tugas menyampaikan ajaran Nabi s.a.w. dengan mengikut landasan yang sebenar dalam Islam. Adakah jalan ma'rifat dan tariqah itu benar dalam menyampaikan manusia kepda Allah Taala. Persoalan ini telah dikupas dengan panjang

lebar oleh 'ulama' besar iaitu Imam Ghazali r.a. Sehubungan dengan ini juga Imam al-Ghazali ada menyatakan seperti berikut :

انى علمت يقينا ان الصوفية هم السالكون لطريق اشتعالى، خاصة وأن سيرتهم أحسن السير, وطريقهم أصوب الطريق وأخلاقهم أزكى ألاخلاق, بل لو جمع عقل العقلاء, وحكمة الحكماء، وعلم الواقفين على أسرار الشرع من العلماء ليغيروا شيئا من سيرهم وأخلاقهم ويبدلوه بما هو خير منه لم يجدوا اليه سبيلا, فان جميع حركاتهم في ظاهرهم وباطنهم مقتبسة من مشكاة النبوة, وليس وراء النبوة على وجها الأرض نور يستضاء به

Bahawasanya barulah aku ketahui dengan yakin bahawa para sufiyyah itu menjalani jalan-jalan khusus (tar iqah) yang menyampaikan kepada (ma'rifat-Llah) Allah yang sebenar, dan sesungguhnya akhlak mereka itulah sebaik-baik akhlak bahkan jika dihimpunkan fikiran orang yang berakal (cendikiawan) dan hikmah segala cerdik pandai (ahli falsafah) serta berhimpun (sepakat) para 'ulama' yang mengetahui segala rahsia ilmu syari'at untuk mengubah sesuatu daripada kelakuan ahli sufi samada perjalanan (tar iqah), perangai mereka dan menunjukkan kepada mereka itu satu kebaikan yang lebih hebat dari itu kepada mereka, nescaya (semua itu) tidak akan dapat merubahnya daripadanya kerana segala gerak mereka (ahli sufi) zahir dan batin mereka itu, diambil daripada cahaya terang rahsia syari'at Nabi s.a.w. kerana ahli sufi itu semata-mata mengikut Nabi pada zahir dan batinnya... 13

Kata-kata Imam al-Ghazali itu menjelaskan kepada kita bahawa para masyaykh tar iqah itu sebenarnya menjadi perhatian kepada umum untuk mendapatkan pengajarannya. Ini diakui oleh beliau dengan katanya:

فابتد أن بتحصيل علمهم من مطالعة كتبهم مثل قوت القلوب لابى طالب المكى رحمه الله وكتب الحارث المحاسبى و المتفرقات الماثورة عن الجنيد والشبلى و أبى يزيد البسطامى قدس الله أرواحهم, وغير ذلك من كلام مشايخهم ؛ حتى اطلعت على كنه مقاصد هم العلمية ، حصلت ما يمكن أن يحصل من طريقهم بالتعلم والسماع...

aku mulai untuk mendapatkan ilmu ahli tasawwuf itu dengan dengan selalu menatap kitab-kitab mereka seperti Qut al-Qulub oleh Abi Talib al-Makki rahimahullah, dan kitab-kitab al-Harith al-Muhasibi dan tulisan-tulisan dari peninggalan al-Junaid, al-Shibli, al-Bistami, semoga Allah menyucikan roh-roh mereka itu. Aku telah berhasil memahami ilmu tasawwuf itu dengan segala daya upayaku melalui jalan dan cara mereka samada dengan cara ta'lim (syaykh) atau mendengar... <sup>14</sup>

Ketinggi darjat kerohanian seseorang syaykh atau 'ulama' tasawwuf bukan hanya boleh diukur dengan kerasnya suara ketika memberi ta lim, ramainya murid yang hadir dalam majlis pengajarannya, kuatnya amalan-amalan syari 'atnya seperti puasa dan solat sunat, pakaiannya melambangkan ciri-ciri seorang 'alim seperti berjubah dan berserban besar atau seumpamanya. Malahan dari gerak laku dan keperibadian 'ulama' tasawwuf dan salaf al-soleh, mereka itu sebenarnya menjadi ikutan masyarakat umum.

Gerak lakunya mewarisi keperibadian Nabi s.a.w. Kecermatan dakwahnya meliputi adab dan kerohaniannya. Pengajaran mereka memberi kesan kepada pendengar, huraian-huraiannya berbeza dengan 'ulamā'-'ulamā' zahir. Penuh dengan segala rahsia dan hikmah-hikmah ilāhiyyah. Kitab-kitabnya menjadi rujukan semua lapisan masyarakat. Ilmu serta amalannya melambangkan kerohanian, menzahir dirinya

kedalam masyarakat seperti orang biasa. Syaykh Ibrāhīm al-Bajūri (w.1277H) salah seorang 'ulam'a' terkenal menyatakan:

واذا كانت مجاهدة على يد شيخ العارفين انفع لقولهم: حال رجل في ألف انفع من وعظ ألف في رجل فينبغى للشخص أن يلزم شيخا عارفا على الكتاب والسنة وتأدب معه فعساه يكتسب من حاله ما يكون به صفاء باطنه والله يتولى هداه...

dan bila mujāhadah dibawah pimpinan seorang syaykh dari kalangan orang yang 'ārifin itu lebih memberi manfaat, kerana kata-kata mereka para 'ulamā': Hal seseorang dalam seribu orang itu lebih memberi faedah daripada nasihat seribu orang kepada seseorang, maka wajarlah bagi seseorang itu melazimkan dirinya dengan seorang syaykh yang 'ārif tentang al-Qurān dan al-Sunnah dan beradab sopan beserta dengannya. Mudah-mudahan orang tersebut akan dapat mengambil (meniru) daripada hal syaykhnya itu yang boleh membersihkan batinnya dan Allahlah yang menguruskan Hidayatnya...<sup>15</sup>

'Ulam'a' bi-Llah tidak menzahirkan dirinya atau menonjolkan ke alimannya pada pandangan masyarakat. Sebab itulah masyarakat Islam masa kini yang cuba mencari-cari 'ulam'a' bi-Llah itu untuk belajar dengan mereka, disifatkan seperti orang buta yang cuba mengenal seekor gajah atau si tuli yang belajar dari si bisu. Syaykh Abū 'Abbas al-Marsi pernah menegaskan hal ini katanya:

dan apabila Allah hendak memperkenalkan anda dengan seseorang wali dari kalangan para walinya maka dihapuskan sifat-sifat kemanusiaan biasa (dari pandangan)anda dan Allah memperlihatkan anda sifat-sifat khusus pada wali tersebut... <sup>16</sup>

Apa yang cuba digambarkan di sini ialah sifat para 'ulam'a' tasawwuf dan syaykh tar'iqah bukanlah sebagai yang disangka oleh umum. Perlu difahami ilmu tasawwuf itu kesannya bukanlah boleh dinilai dengan pandangan mata kasar atau dilihat pada tubuh badan atau dilakun-lakunkan. Syaykh Abu Hassan al-Nuri memberi pendapatnya:

Tasawwuf itu bukanlah tulisan-tulisan/tanda-tanda (yang z̄aḥir) dan bukanlah ia itu pelbagai ilmu (yang z̄aḥir), akan tetapi taṣawwuf itu adalah akhlak...<sup>17</sup>

Pengertian ilmu taṣawwuf itu sendiri adalah bermakna ilmu khusyu', ilmu batin, ilmu yaqin, ilmu ma'rifah dan Ihsan serta pelbagai nama lagi. Perbahasan dan perbincangannya adalah juga yang berkaitan dengan perkara-perkara tersebut. Dan istilah-istilahnya juga adalah asing yang tidak mungkin akan dijumpai dalam perbahasan fiqh atau tauhid. Melainkan dengan merujuk kepada kitab-kitab karangan 'ulama' taṣawwuf sahaja. Kerana ianya juga mempunyai disiplin dan perbahasannya yang tersendiri sebagaimana yang dinyatakan oleh Syaykh Maulana Zakaria al-Kandahlawi katanya:

و الطريقة في الواقع هي اسم شان للاحسان المذكور او انها الطريقة التي يمكن بها الحصول على صفة الاحسان و هو الذي يقال له المتصوف أو السلوك أو سمه بما شئت فانما هي تعبيرات وألفاظ مختلفة والمقصود واحد . . .

Dan al-tar iqah itu sebenarnya adalah nama kedua bagi al-ihsan yang disebut (dalam hadith Jibrail) atau ia juga adalah al-tar iqah yang menyampaikan kepada sifat al-Ihsan dan ialah juga yang dinamakan dengan al-Taṣawwuf atau al-Sulūk atau namakanlah ia dengan apa sahaja nama yang kamu sukai, sesungguhnya hanya tadbir dan lafaznya sahaja yang berbeza-beza, tetapi maksudnya tetap satu...<sup>18</sup>

## Pelaksanaan Dakwah Tariqah Ahmadiyyah

Dalam perkembangan tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan dapat dilihat bahawa syaykhnya dipandang mulia oleh sebahagian besar masyarakat di Negeri Sembilan. Sehingga dapat dilihat dalam majlis ta'lim dan dhikir yang dipimpin biasanya beribu-ribu orang yang hadir. Ikut serta semua lapisan masyarakat termasuk di kalangan pembesar negeri. Bolehlah dikatakan amalan-amalan yang dianjurkan oleh tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan diterima oleh sebahagian besar masyarakatnya. Prinsip dakwahnya yang bersifat terbuka, mudah menerima ahli dan orang awam yang ingin berbai'ah atau ikut beramal dalam tariqah Ahmadiyyah.

Maksudnya sesiapa yang ingin beramal dengan ajaran tariqah Ahmadiyyah bolehlah mereka berjumpa dengan syaykhnya dan mengambil bai 'ah dan talqin untuk

beramal dengan *dhikir-dhikir*nya. Kadangkala dalam sesuatu majlis *dhikir* yang biasanya diadakan setahun sekali syaykh akan melakukan *bai'ah* umum di mana sekelian yang hadir pada majlis itu dibenarkan untuk beramal dengan amalan tar iqah Ahmad iyyah.

Perkembangan dakwah tariqah Ahmadiyyah ini dikukuhkan lagi dengan kedudukan syaykh tariqah Ahmadiyyah itu sendiri. Beberapa orang syaykh tariqah Ahmadiyyah adalah Mufti Kerajaaan Negeri Sembilan sekitar. Selain itu sebahagian besar pengamal tariqah Ahmadiyyah juga adalah terdiri daripada para 'ulamia' yang terbilang di Negeri Sembilan sendiri. Di antara mereka yang masih lagi bergiat ialah seperti Tuan Guru Dato' 'Abdullah Sijang, Tuan Guru Haji 'Ali Seliau, Hj. Faiz bin Hj. Ahmad, Hj Fuad bin Kamaluddin dan lain-lainnya. Secara tidak langsung mereka ini memberi satu daya tarikan kepada masyarakat apabila tampil untuk memberikan ta'lim di mailis-mailis pengajian, surau, madrasah dan sebagainya.

Guru-guru tar iqah itu sebenarnya berbeza kecenderungan atau kebolehannya dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah. Lihat sahaja bagaimana cara dakwah Wali Songo. Sebahagian dari mereka itu berdakwah dengan cara menggunakan alatan-alatan muzik, kemahiran permainan wayang kulit, kekeramatan yang dizahirkan untuk melawan sihir dan sebagainya. Syaykh Junaid al-Baghdadi misalnya mempunyai puluhan ribu murid yang terdiri daripada para perompak, pencuri, pembunuh yang

akhirnya dengan *hikmah* dan *lisān al-hāl*, beliau telah mentarbiyah mereka menjadi murid yang menjalani amalan di dalam ilmu tasawwuf.

Syaykh Izu'd-Din 'Abd. Salām, Abū Hassan al-Shādhili adalah dua orang ahli sufi yang berperanan penting dalam menentang tentera salib yang menceroboh Mesir. 19 Begitu juga dengan Imām al-Sanūsi, Syaykh 'Abdul Qādir al-Jazāiri dan Syaykh 'Umar Mukhtar sendiri adalah antara pemimpin Islam juga ahli sufi yang berperang dalam jihād fī Sabilillāh. 20

Kesan pendekatan dakwah para ahli sufi dan para syaykh tariqah itu adalah amat nyata melalui pandangan Abu Hassan Ali an-Nadawi katanya;

kira-kira tujuh puluh ribu orang telah menghadiri majlis taʻʻalimnya (Syaykh Abd Qadir al-Jilani), lebih lima ribu orang Yahudi dan Nasrani telah memeluk Islam ditangannya. Lebih seratus ribu orang yang jahat, perompak atau pencuri bersenjata yang telah bertaubat menerusi usahanya. beliau telah membuka pintu taubat dan baʻiah seluas-luasnya, maka orang ramai itu tidak diketahui jumlahnya kecuali Allah sahaja telah masuk ke dalamnya. Sehingga akhlak mereka menjadi baik dan begitu juga dengan keIslaman mereka itu...<sup>21</sup>

Syaykh Ibn 'Ata-ilLah al-Sakandari sendiri mengakui kebenaran dakwah para ahli sufi itu. Sehingga menarik minatnya untuk berdampingan bersama-sama mereka dan beramal dengan amalan tasawwuf serta kemudiannya menjadi murid kepada syaykhnya iaitu Abū 'Abbās al-Marsi. kata beliau;

dan tahulah aku bahwa sesungguhnya lelaki itu (Syaykh Abū Abbās al-Marsi) benar-benar telah menghirup (ilmu) dari limpahan lautan ilahi, maka Allah pun menghapuskan (rasa tidak percaya terhadap ilmu tasawwuf) yang ada pada diri aku...<sup>22</sup>

Dari beberapa contoh tadi jelaslah kepada kita bahawa ilmu tasawwuf itu adalah ilmu yang mementingkan kedudukan zahir dan batin, jasmani dan rohani. Maka kefahaman serta hikmah yang terkandung dalam ajaran Islam itu bukanlah boleh didapati dengan mudah, melainkan melalui disiplin-disiplin keilmuannya yang telah dinyatakan oleh Allah. Dan juga hikmah-hikmah ilahiyyah itu bukanlah boleh didapati dengan kaedah pembelajaran biasa atau di pusat-pusat pengajian tinggi contohnya, tetapi ianya adalah kurnia Allah. Dari inilah apa yang dikatakan dakwah bil-Hal atau lisan al-Hal. Allah berfirman ;

Dan (mereka berkata lagi): Janganlah kamu percaya melainkan kepada orang-orang yang mengikut ugama kamu. Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya petunjuk yang sebenar benarnya ialah petunjuk Allah. (Mereka berkata pula: Janganlah kamu percaya) bahawa akan diberi kepada sesiapa seperti apa yang telah diberikan kepada kamu, atau mereka akan dapat mengalahkan hujah kamu di sisi Tuhan kamu. Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di tangan Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Meliputi pengetahuanNya.<sup>23</sup>

Di Alam Melayu sendiri, perkembangan Islamnya adalah hasil peranan para ahli sufi-Mereka yang dimaksudkan seperti Syaykh Yūsof Taj al-Khalwati, seorang mursyid

tar iqah yang menyebarkan Islam di Kepulauan Islam Maluku dan Filipina. Syaykh Daud al-Fatani 'ulam'a' ulung di Asia Tenggara yang banyak menghasilkan penulisan-penulisan dalam bidang pendidikan Islam terutama ilmu tasawwuf. Tok Ku Paloh, 24 mursyid tar iqah Naqsyabandiyyah yang membantu Sultan Terengganu mentadbir negeri dan menghalau penjajah asing dari negeri-negeri Melayu.

Syaykh Hamzah al-Fansuri juga seorang tokoh tasawwuf dan karya-karya ilmiah beliau dalam bidang ini telah berjaya memperkembangkan kesusasteraan Islam di pelusuk Nusantara. Syaykh Muhammad Sa'id, mursyid tar'iqah Ahmad'iyyah al-Rasyidiyyah al-Dandarawiyyah yang berjaya menyebarluaskan ajaran Islam melalui methodologi tar'iqah sufiyyah di beberapa daerah di Asia Tenggara sehingga muridnya berjumlah puluhan ribu.

Secara ringkas, dapatlah kita mengambil sedikit kesimpulan bahawa para syaykh-syaykh tar qah itu sebenarnya telah menjalani disiplin-disiplin ilmu tasawwuf. Kesemuanya itu telah membentuk keperibadian dan akhlak yang tinggi. Akhlak yang mulia dan menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat. Keelokan peribadi dan wibawa mereka itu memudahkan penyebaran dakwah Islam tersebar. Ini bukanlah bererti bahawa mereka tidak perlu melakukan kerja-kerja dakwah. Bahkan keperibadian mereka itu sahaja, sudah cukup bagi masyarakat menerima Islam dengan cara yang mudah atau tanpa perlu menerangkan dengan kata-kata.

Ini juga sebenarnya adalah janji Allah kepada mereka yang disifatkan sebagai penolong-penolong Allah;

Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu...<sup>25</sup>

Contoh-contoh ini dapat dilihat dalam sejarah pembukaan negara-negara Islam di wilayah timur dan barat. Antara contohnya, semasa pemerintahan Khālifah Abd. Malek bin Marwan 6, tentera-tentera Islam memainkan peranan yang baik. Akhlak mereka dan cara umat Islam menduduki satu-satu wilayah menyebabkan proses pembukaan wilayah Islam baru dan penyebaran menjadi mudah. Beberapa wilayah di Sind dan Punjab menawarkan diri untuk mendapatkan perlindungan Islam daripada kez'aliman Maharaja-maharaja Hindu. Ini sekaligus menolak sama sekali tuduhan golongan orientalis yang mengatakan bahawa Islam itu tersebar dengan mata pedang. Begitulah akhlak dan peribadi umat Islam serta peranan 'ulama'-'ulama' sufi yang diberikan hikmah serta kebijaksanaan untuk menyebarkan dakwah Islam.

## Hubungan Sosial Dan Adabiyyah Dalam Tar iqah Ahmad iyyah

Hubungan dan pergaulan para sahabat dengan baginda Nabi s.a.w. dipenuhi dengan peraturan dan *adabiyyah*. Di dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w telah digariskan beberapa panduan untuk diikuti dan dipatuhi sebagaimana yang ditunjukkan oleh Allah dalam al-Quran.

Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengangkat suara kamu mengatasi suara Nabi dan janganlah kamu menyaringkan suara kamu sewaktu bercakap dengannya seperti sebahagian kamu menyaringkan suara ketika bercakap dengan sebahagian yang lain.<sup>28</sup>

dan firman Allah s.w.t. lagi

Sesungguhnya orang-orang yang memanggil engkau (wahai Muhammad)dari luar bilik kebanyakkan mereka itu tidak mengerti. Dan sekiranya mereka bersabar sehingga engkau keluar menemui mereka tentulah yang demikian itu lebih baik bagi mereka...<sup>29</sup>

Kedua-dua ayat di atas adalah antara beberapa perkara yang diperingatkan oleh Allah kepada mereka yang ingin ber*muʿamalah* atau berhubung dengan Nabi s.a.w.

Perintah dari Allah ini menjadi satu peraturan kepada para sahabat supaya menjaga adab dan tertib apabila bertemu dengan Nabi s.a.w. Maka di dalam disiplin tar qah -tar qah sufiyyah khususnya dalam tar qah Ahmad iyyah, adab-adab dan peraturan ini adalah amat penting untuk mencapai kepada ma'rifatullah yang sebenar. Mereka menjadikan iktibar dari perintah Allah kepada para sahabat yang ingin berhubungan dengan Nabi s.a.w. mestilah mempunyai peraturan dan adab-adabnya.

Dalam disiplin ilmu tarīqah, adab dijadikan dasar hubungan pergaulan para murid dengan syaykhnya sebagaimana adab sahabat dengan Nabi s.a.w. Adab di dalam ilmu tasawwuf adalah sesuatu yang amat penting. Menurut Abū Hafs al-Naisabūri (w.269H):

ilmu taşawwuf itu adalah adab, setiap waktunya adalah adab, setiap hālnya adalah adab, dan bagi setiap maqāmnya adalah adab, maka barangsiapa melazimkan dengan adab maka sampai ia kepada kesempurnaan perjalanan para ahli şufi, dan barangsiapa yang menafikan adab sesungguhnya ia sebenarnya jauh dari sangkaannya yang sudah sampai( ma'rifatu-lLah), dan ia tidak akan menerima sesuatu kurnia sekalipun ia menyangka sudah menerimanya... 30

Dari keterangan di atas, dapatlah kita membuat sedikit kesimpulan bahawa ajaran dalam ilmu tasawwuf atau disiplin ilmu tariqah itu mempunyai beberapa

metodologi yang tersusun. Ianya bukanlah sesuatu yang diada-adakan. Bahkan kesemua disiplin-disiplin ilmu tar qah itu bersumberkan ajaran al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w.

Di dalam tariqah Ahmadiyyah, hubungan murid dengan syaykhnya itu adalah sepertimana mencontohi hubungan para sahabat dengan Nabi s.a.w. Pergaulan mereka itu penuh dengan adab dan tertib. Adapun hubungan dan pergaulan itu adalah bertujuan untuk mendapatkan kurnia keberkatan dan limpahan ilmu dari seorang syaykh. Ini adalah kerana *ma'rifatu-Llāh* itu akan dicapai dengan ketaatan, kepercayaan kepada isyarat-isyarat syaykh dan peradaban yang sempurna sifatnya. Dijelaskan oleh Muhammad Amin al-Kurdi, para syaykh telah bersepakat menyatakan bahawa seorang murid itu akan mendapat kemanisan *ma'rifatu-lLāh* jika ketaatan kepada syaykh benarbenar sempurna walaupun pada peringkat permulaan pergaulannya dengan syaykh tersebut.<sup>31</sup>

Sehubungan itu, pergaulan dan hubungan sosial yang dimaksudkan dalam ajaran tar iqah Ahmad iyyah boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian iaitu hubungan murid dengan syaykh, hubungan murid dengan khalifah-khalifah yang dilantik oleh syaykhnya dan hubungan murid sesama murid yang lain.

# Hubungan Murid Dengan Syaykh

Adab murid ketika mana mereka itu duduk dan bergaul bersama-sama syaykhnya adalah satu perkara yang penting yang perlu dijagai oleh ahli-ahli tar qah Ahmad iyyah. Ini adalah mencontohi apa yang dilakukan oleh para sahabat ketika mana mereka itu bergaul dan berdamping bersama-sama dengan Nabi s.a.w. Maka Allah Ta'ala telah menyebut peraturan penting ini dengan berfirman di dalam al-Quran:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memandai-mandai (melakukan sesuatu perkara) sebelum (mendapat hukum atau kebenaran) Allah dan RasulNya; dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.<sup>32</sup>

Menurut tafsir Ibn 'Abbas, tidak boleh seseorang itu berkata-kata ketika Nabi s.a.w. sedang berkata-kata. Manakala menurut al-Kalabi, janganlah seseorang itu mendahului Rasulullah samada perkataannya dan perbuatannya sehinggalah datang perintah Nabi sendiri mengenai sesuatu perkara itu. Maka begitulah juga perumpamaan adab-adab para murid bersama syaykh. Murid itu sebenarnya tidak dapat menimbang dengan sebaik-baik mungkin tentang urusan dirinya sendiri atau sesuatu yang berkaitan dengannya, melainkan dengan merujuk kepada syaykhnya itu.<sup>33</sup>

Sebahagian besar para masyaykh tar qah Ahmad iyyah menyatakan bahawa pada diri Nabi s.a.w. itu adalah keseluruhannya menjadi contoh tauladan yang perlu diikuti. Para sahabat Nabi s.a.w. menerima dan mengambil ilmu dan adab daripada Rasulullah. sebagaimana yang diriwayatkan oleh sebahagian sahabat :

علمنا رسول الله (ص)كل شئ حتى الخراءة, فالمريد الصادق اذا دخل تحت حكم الشيخ وصحبه وتأدب بآدابه , يسري من باطن الشيخ حال الي باطن المريد كسراج يقتبس من سراج, وكلم الشيخ يلقن باطن المريد و يكون مقال الشيخ الشيخ الشيخ المال من الشيخ الى المريد و يكون مقال الشيخ المين المال من الشيخ الى المريد بواسطة الصحبة وسماع المقال, ولا يكون هذا الاحصر نفسهالشيخ وانسلخ من ارادة يكون هذا الاحصر نفسهالشيخ وانسلخ من ارادة نفسه وفنى فى الشيخ بترك اختيار نفسه ...

Rasulullah s.a.w mengajarkan kami (Islam) setiap sesuatu sehinggakan pada bab membuang air(tahi), maka murid yang benar sifatnya apabila ia dibawah pengawasan seseorang syaykh dan mendampingi syaykh maka hendaklah ia beradab dengan sebaik-baik adab, akan melimpah dari batin syaykh itu setiap hal kepada batin murid itu seperti lampu yang menyambar(api) dari lampu yang lain, dan kata-kata syaykh itu mentalqinkan batin murid dan jadilah ucapan-ucapan syaykh itu menolong hal-hal (masalah)diri murid itu, dan berpindah hal (keadaan) murid itu dari (menurut pandangan) syaykh (dengan jalan kerohanian) melalui wasitah (cara) berdamping dan mendengar ucapan-ucapan (syaykhnya), kesemuanya ini tidak akan berlaku melainkan dengan menggabungkan dirinya dengan syaykhnya dan melepaskan kehendak-kehendak nafsunya dan fana ia (murid) bersama-sama syaykhnya (menyerahkan urusan diri kepada syaykh) dengan meninggalkan ikhtiar diri... <sup>34</sup>

Dalam ilmu taṣawuf, telah digariskan beberapa adab-adab pergaulan murid dengan syaykhnya. Kerana hasil pergaulan dan berdampingan bersama-sama dengan

syaykh itu, murid akan mendapat barakah. Hubungan seseorang murid dengan syaykh mursyidnya itu adalah disifatkan seperti hubungan bapa dengan anak. Malahan seseorang syaykh itu kedudukannya lebih penting dan lebih tinggi daripada hubungan anak dengan bapa kandungnya sendiri. Kerana bapa kandungnya itu hanyalah sebagai hubungan zuriat dari asal keturunan yang menjaga keperluan-keperluan jasmaniyyah seorang anak sahaja atau dikenali sebagai bapa jasmaniyyah (murabbi jism).

Sedangkan seorang syaykh atau disebut juga bapa ruhaniyyah (murabbi ruhani) itu bertanggungjawab dalam menjaga perkara yang bersangkut paut dengan hal kerohanian seseorang murid. Memberi ta'lim, tarbiyyah dan tarqiyyah kepada anak nasabiyyah itu sehingga boleh mengenal tuhannya, memimpin peningkatkan iman dan taqwanya, sehingga berakhlak sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Maka peranan bapa rohaniyyah ini adalah lebih besar lagi daripada bapa jasmaniyyah. Baginda Nabi s.a.w. bersabda:

حدثنا أبو بشر بكر بن خلف حدثنا ابن أبي الضيف حدثنا عبد الله بن عثمان ابن خثيم عن سعيد بن جبير عن ابن عباس قال قال رسول الله صلى اللهم عليه وسلم من انتسب إلى غير أبيه أو تولى غير مواليه فعليه لعنة الله والملائكة والناس أجمعين

diceritakan kepada kami oleh Abu Bisyr Bakar bin Khalaf, diceritakan kepada kami oleh Abi al-Daif diceritakan kepada kami oleh Abdullah bin Uthman Ibn Hathim dari Said bin Jabir dari Ibn Abas berkata, Rasullullah s.a.w. bersabda, Siapa yang menasabkan dirinya kepada orang yang selain daripada bapanya atau (hamba) yang mengaku orang lain sebagai tuannya maka Allah dan para Malaikat serta manusia seluruhnya melaknatinya... 35

Syaykh Ibrahim Dasuqi pernah menegaskan mengenai hubungan seorang murid dengan syaykhnya itu dengan katanya:

Wajiblah atas engkau hai anakku untuk mentaati ayahmu yang tersebut itu (syaykh mursyid) dan hendaklah engkau mengutamakannya pada setiap urusanmu dari ayah jasmani (ayah kandung) dengan menurut perintah Allah. Sesungguhnya ayah ruhani itu lebih memberi manfaat daripada ayah jasmani. 36

Maka dari sinilah timbulnya cara-cara penghormatan kepada seseorang syaykh yang memimpin perjalanan seseorang muridnya. Sebagaimana penghormatan kepada seorang bapa jasmaniyyah mengasuh anaknya sehingga besar, demikianlah juga sikap seseorang menghormati bapa ruhaninya itu. Memuliakan kedua-dua ibu bapa kandung ditekanlah oleh Islam sebagaimana yang disebut oleh Allah dalam al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. Disebut dalam al-Quran hubungan seseorang anak dengan ibu dan bapanya sehingga larang berkata "Oh, Ah" dan sebagainya. Perbuatan sianak yang berkelakuan demikian, dianggap telah melanggar perintah Allah Taala. Firmannya:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan Ha, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).<sup>37</sup>

Kalaulah penghormatan seorang anak kepada kedua ibu bapanya atau bapa jasmaniyyah itu, sedemikian sekali penegasannya oleh Allah, maka apatah lagi bapa rohaniyyahnya atau syaykhnya itu. Tentulah lebih-lebih lagi ketaatan dan kepatuhan kepada seseorang syaykhnya itu, perlu ditekankan sepenuhnya dengan ketertiban dan adabiyyahnya. Maka tidak timbullah masalah sebagaimana yang gemburkan oleh kalangan mereka yang tidak faham dengan perjalanan disiplin ilmu tasawwuf yang menyatakan gambaran bahawa ketaatan kepada seseorang murid kepada syaykh tar iqah nya melampau-lampau.

'Ulama'- 'ulama' tasawwuf mengambil kesimpulan bahawa penghormatan dan ketaatan kepada seseorang syaykh, adalah seperti taatnya sahabat kepada Nabi s.a.w. Diibaratkan juga sebagaimana ketaatan seorang ma'mumdi belakang mam dalam solat dan ketaatan seorang hamba kepada tuannya. Tidak mendahului atau meninggalkannya. Syaykh Abd Wahab Sharani menegaskan mengenai perkara ini dengan katanya:

Sesungguhnya tiap-tiap murid yang berdampingan (belajar) dengan para syaykh tanpa (menuruti) cara menghormati mereka diharamkan untuk mendapat faedah-faedah dari syaykh-syaykh itu juga diharamkan dari mendapat keberkatan-keberkatan kerana melihat mereka itu. Kemudian kesan-kesan baik dari para syaykh itu tidak akan lahir sedikit pun pada diri murid tersebut sekalipun ia bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya. Bahkan segala perbuatan murid itu sendiri mendustakannya... <sup>38</sup>

Mungkin timbulnya tuduhan-tuduhan liar, apabila sebahagian masyarakat yang melihat perlakuan para murid yang menghormati syaykhnya seperti mencium tangan dianggap mendewa-dewakan syaykh. Perbuatan ini dianggap sesuatu yang agak ganjil oleh masyarakat Islam masa kini. Sedangkan kalau kita melihat bagaimana para sahabat apabila bersama Nabi s.a.w., sebahagian mereka sentiasa mengambil peluang untuk mendekati Nabi s.a.w. untuk mengambil berkat atau *tabarru*. Ini dinyatakan sendiri oleh Urwah bin Mas'ud al-Thaqafi<sup>39</sup> katanya;

Demi Allah, aku pernah menemui Raja-Raja, Rom, Parsi dan Habsyah, Demi Allah aku tidak pernah melihat raja itu disanjung dengan membesarkannya seperti sahabat-sahabat Muhammad melakukan kepada Muhammad, Demi Allah kalau ia mengeluarkan air ludahnya melainkan kalau air itu jatuh ke dalam tapak tangan seorang daripada mereka, lalu diletakkan dikulit dan mukanya. Apabila ia menyuruh, mereka berlumba-lumba untuk memunaikan suruhannya, apabila ia berwudu', mereka seperti hendak berperang kerana berebut-rebut untuk mengambil air wudu'nya. Kalau ia bercakap semuanya diam dan kalau bercakap mereka merendahkan suara kerana menghormatinya, dia mengemukakan satu rancangan yang baik untuk kamu (kaum Quraisy) maka terimalah...<sup>40</sup>

Kalaulah setakat apa yang digambarkan oleh Urwah itu demikian sifatnya, maka apalah sangat dengan amalan menghormati syaykh itu dengan mencium tangannya sahaja. Sedangkan perlakuan sahabat dengan Nabi s.a.w. itu terlebih hebat daripada apa

yang berlaku di kalangan para murid dengan syaykhnya.Di dalam tar qah Ahmad iyyah sendiri amalan mencium tangan para syaykh itu sendiri adalah merupakan satu adab murid untuk mencapai keberkatan daripada para syaykh mereka. Amalan mencium tangan itu tsabit dalam hadith seperti yang diriwayatkan oleh Al-Tabrani dari Ka'ab bin Malik r.a.:

Adalah dia (Kaab) ketika mana Nabi s.a.w. telah berada disisinya lalu beliau menjabat tangan baginda dan menciumnya..<sup>41</sup>

Sufyan Bin'Uyaynah menyatakan:

mencium tangan orang yang 'alim dan sultan yang adil itu adalah sunnat..42

Syaykh Ibn Taimiyyah sendiri memberikan pendapatnya berhubung dengan masalah mencium tangan ini dengan katanya :

Mencium tangan (para 'ulamā') bukanlah bererti mereka itu melampaui batas sedikit pun, kerana para sahabat r.ahm.itu mencium tangan Nabi s.a.w. Dan sebahagian besar para 'ulamā' membolehkan di antara mereka yang membolehkan termasuklah Imam Ahmad bin Hambal...<sup>43</sup>

Ilmu tasawwuf itu menyeru para pengikutnya supaya memuliakan para syaykh itu, kerana besarnya peranan yang dimainkan oleh *bapa keruhanian* ini melebihi peranan seorang bapa sendiri. Penghormatan kepada seseorang syaykh itu adalah kerana untuk mendapatkan *barakah* dari Allah dan memudahkan kepada pendekatan diri seseorang *salik* kepada Allah. Ini bertepatan dengan ayat al-Quran yang berbunyi:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar... 44

Imam Ahmad bin Hanbal meriwayatkan bahawa mereka yang dimaksudkan oleh Allah orang-orang yang bertaqwa ialah mereka yang seperti dimaksudkan oleh hadith Nabi s.a.w. yang berbunyi:

عن أبي بكر أنه سمعه حين توفي رسول الله صلى الله عليه الله عليه وسلم قال قام رسول الله صلى الله عليه وسلم عام الأول مقامي هذا شم بكى شم قال عليكم بالصدق فإنه مع البر وهما في البنة وإياكم والكذب فإنه مع الفجور وهما في النلر وسلوا الله المعافاة فإنه لم يوت رجل بعد اليقين شيئا خيرا من المعافاة شم قال لا تقاطعوا ولا تدابروا ولا تبا غضوا ولا تحاسدوا وكونوا عباد الله اخوانا

Dari Abū Bakar r.a. mendengar ketika mana Nabi s.a.w. hampir wafat berkata, berdiri Rasuulullah s.a.w. dan bersabda, orang yang pertama yang akan dibangkitkan ialah ini lalu baginda menangis dan berkata; Wajiblah kamu sekalian menjadikan sifat benar kerana ia sentiasa bersama-sama dengan kebaikan dan kedua-duanya di dalam syurga, dan aku peringatkan kamu tentang sifat dusta kerana ia bersama-sama kehancuran dan kedua-duanya di dalam neraka, sesungguhnya telah sampai Allah itu keampunannya maka adalah Allah tidak mendatangi seorang lelaki selepas keyakinananya terhadap sesuatu itu terlebih baik daripada keampunannya kemudian baginda bersabda lagi, janganlah kamu memutuskan (silaturrahim) jangan berpaling dan janganlah bermasam-masaman dan janganlah kamu berhasad dengki dan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara... 45

Di dalam al-Quran, telah dikisahkan tentang beberapa peristiwa berhubung dengan adab-adab untuk seseorang itu mencapai kepada *ma 'rifatullāh* yang sebenar. Ini sebagaimana contoh yang ditunjukkan oleh Nabi Mūsā.a.s. ketika beliau diperintah oleh Allah untuk berguru dengan Nabi Allah Khidir a.s. Firman Allah dalam al-Quran:

Nabi Mūsā berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?... 46

Selanjutnya Allah menerangkan bagaimana jawapan Nabi Khidir kepada Nabi Mūsa as. berhubung dengan beberapa syarat dan adab-adab yang ditetapkan oleh Allah. Firman Allah:

Ia menjawab: Sekiranya engkau mengikutku, maka janganlah engkau bertanya kepadaku akan sesuatupun sehingga aku ceritakan halnya kepadamu.... <sup>47</sup>

Berdasarkan kepada kisah yang disebut dalam al-Quran dan Sunnah ini pada hakikatnya, syarat-syarat yang diletakkan oleh Nabi Khidir itu adalah sebenarnya yang datangnya dari Allah sendiri. Batasan-batasan yang ditetapkan oleh Nabi Khidir untuk Nabi Musa a.s. mendampinginya untuk mendapatkan ilmu itu, menurut para 'ulama' tasawwuf adalah juga adab-adab seorang murid dalam pergaulan dengan gurunya. Maka amat perlulah seseorang murid sentiasa berdampingi dengan syaykhnya untuk mendapat kefahaman dan penjelasan dalam perjalanan saliknya kepada Allah. Sebagaimana yang ditegaskan dalam al-Quran, perintah Allah supaya bertanya kepada mereka yang ahlinya untuk mendapatkan sesuatu jawapan.

Selain daripada itu dinyatakan juga dalam perjalanan tariqah Ahmadiyyah bahawa, seseorang murid itu hendaklah sentiasa memohon doa dari syaykhnya supaya mudah memperolehi limpahan dan kurnia dari Allah. Ini sebagaimana yang lazimnya berlaku di kalangan para sahabat ketika mana mereka itu bersama-sama Nabi. Di mana para sahabat sendiri telah melafazkan ikrar taat setia untuk berbuat baik dan juga beramal dengan amalan-amalan yang diperintahkan oleh Allah dan menjauhi larangannya. Allah berfirman:

Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar... <sup>48</sup>

Walaupun pada zahirnya mereka itu melakukan taat setia untuk beramal dengan Nabi s.a.w. tetapi sebenarnya mereka itu berjanji dengan Allah Ta'ala. Maka begitu jugalah berlakunya amalan bai'ah dan taat setia ini di kalangan para sahabat terhadap Nabi s.a.w dalam banyak peristiwa sepanjang hayat Nabi s.a.w. Malahan disiplin bai'ah ini berlaku sepanjang hayat para sahabat khususnya dalam perlantikan Khālifah al-Rāsyidin dan seterusnya menjadi amalan umat Islam masa kini untuk menghidupkan sunnah baginda Rasul ini.

Para 'ulama' yang benar perjalanannya, adalah mereka yang menghidupkan sunnah Nabi yang zahir dan batin. Mereka inilah yang dikatakan sebagai 'ulama' pewaris Nabi. Sifat-sifat mewarisi ilmu dan perjalanan sunnah Nabi itulah antara sifat para pewaris Nabi sebagaimana yang disabdakan oleh baginda s.a.w dalam banyak hadith-hadithnya antaranya:.

رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من سلك طريقا يبتغي فيه علما سلك الله به طريقا إلى الجنة وإن الملائكة لتضع أجنحتها رضاء لطالب العلم وإن العالم ليستغفر له من في الطالب العلم على الارض حتى الحيتان في الماء وفضل العالم على العابد كفضل القمر على سائر الكواكب إن العلماء ورثة الأنبياء إن العلماء ورثة الأنبياء إن العلماء ورثوا العلم

Nabi bersabda: Barangsiapa yang melalui tar iqah ini untuk mendapati pengetahuan padanya, maka Allah akan memunjukkannya jalan baginya ke Syurga, dan sesungguhnya para malaikat itu akan sentiasa mendoakan kejayaan dan keredahaan bagi orang yang menuntut ilmu dan sesungguhnya orang-orang yang berilmu itu akan akan sentiasa mendapat pengampunan dari segala apa yang ada dilangit dan dibumi sehingga kehidupan di air sekalipun dan kelebihan orang yang berilmu dari seorang abid sperti kelebihan bulan di atas sekalian bintangbintang, sesungguhnya para 'ulama' itu adalah pewaris Nabi, dan para Nabi itu tidak meninggalkan harta walau sedinar atau sedarham pun, akan tetapi meninggalkan ilmu... <sup>49</sup>

Kalangan syaykh tariqah-tariqah Ahmad iyyah itu, mempunyai peribadi yang sentiasa menjadikan mereka itu contoh ikutan yang baik. Ini adalah disebabkan mereka itu mewarisi segala sunnah Nabi s.a.w yang zahir dan yang batin. Mereka ini benar dalam pengajaran dan ilmunya. Dalam hal ini, pengikut tariqah Ahmad iyyah juga adalah tidak terkecuali dari mengamalkan apa yang diarahkan oleh guru-guru mereka. Hubungan sosial ini dilihat dari segi hubungan sebagai seorang murid dan hubungan anak dengan seorang ayah.

Sebagai seorang murid, mereka ini sentiasa mendampingi guru-guru mereka untuk mendapatkan apa yang disebut sebagai limpahan barākah dan keilmuan yang mengalir hasil dari percakapan dan perilaku tauladan yang ditunjukkan oleh para syaykh tarīqah. Contohnya, murid-murid sentiasa bersedia untuk mengikuti di mana sahaja pengajian yang dilakukan oleh guru mereka. Sebahagian mereka ini pula menyambut kedatangan para guru tarīqah yang memberi ta'lim dalam satu-satu majlis dengan sebaik-baik mungkin.

Biasanya para syaykh tar qah ini mempunyai seorang murid yang menguruskan apa-apa perkara yang melibatkan syaykhnya. Dalam erti kata yang lain menghambakan diri para gurunya atau memberi khidmat kepada seseorang guru dan dalam pengertian yang lain disebut *khādam*. Dalam satu-satu masa, seorang syaykh itu mempunyai beberapa ramai orang *khādam* yang menguruskan keperluan seorang syaykhnya.

Dalam tariqah Ahmadiyyah misalnya, beberapa orang ikhwan telah menjadi pembantu kepada guru-guru mereka. Tujuan mereka berbuat begini adalah untuk memberi khidmat supaya kerja guru itu tadi akan menjadi mudah dan tidak membebankan. Salah seorangnya yang penulis ketahui ialah Hj. Daud yang pernah berkhidmat dengan Syaykh Ahmad. Beliau inilah ikhwan yang sangat ringan tulang. Beliau membantu menyediakan makanan, memasak untuk syaykh dan juga tetamu-

tetamu yang hadir. Pelbagai lagi kerja yang dilakukan semata-mata kerana tatat dan mengharapkan redha Allah.<sup>50</sup>

Penulis mendapati khidmat kepada guru-guru tariqah ini bukanlah sesuatu yang baru, malahan hampir semua para syaykh dan guru-guru tariqah mempunyai murid yang bersedia untuk berkhidmat kepadanya. Mereka ini seolah-olah sudah ditetapkan oleh Allah untuk membantu menjalankan urusan agama ini. Biasanya murid ini menghambakan diri mereka dengan kerelaan diri mereka untuk berkhidmat kepada gurunya. <sup>51</sup>

Keadaan ini sebenarnya menjadi satu lumrah dalam amalan tasawwuf iaitu sifatsifat seorang sufi itu menghambakan dirinya kepada syaykhnya demi mendapatkan
keredhaan Allah. Perjalanan ilmu tasawwuf ini dipenuhi dengan sejuta satu rahsia yang
tidak tercapai dengan akal. Dalam sirah Nabi s.a.w. sendiri, beberapa orang sahabat
sanggup menghambakan diri kepada Nabi s.a.w. atau menjadi orang yang menguruskan
keperluan-keperluan Nabi.

Sebahagian besar sahabat sanggup menggadaikan nyawanya untuk Nabi s.a.w. Mengalang-gantikan dirinya untuk dibunuh sepertimana Saidina Ali dalam peristiwa penghijrahan Nabi s.a.w. ke Madinah, tidur di katil baginda. Dan beberapa kisah lagi terutama dalam hal jihad dan perang Badar, Uhud dan Khandaq yang menunjukkan pengorbanan sahabat. Maka jika dibandingkan pengorbanan seorang murid itu kepada

gurunya, tidaklah setanding dengan apa yang dilakukan oleh para sahabat terhadap Rasulullah s.a.w. Tidak salah dari segi *syarī'at*, seseorang menghambakan dirinya kepada seorang yang dianggap benar dalam tunjuk ajarnya untuk mendekatkan diri kepada Allah. Sebagaimana firman Allah:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.<sup>52</sup>

Para Nabi itu juga sebenarnya mempunyai penolong-penolong dan pembantupembantunya. Sebagaimana Nabi Musa mempunyai pembantunya Nabi Allah Harun a.s. Penolong-penolong dan pembantu Nabi Allah Isa a.s. di kalangan al-Hawariyyun. Nabi Allah Yusuf mempunyai pembantunya, Nabi Allah Sulaiman juga mempunyai pembantu dan bala tenteranya, begitu juga Rasulullah s.a.w. mempunyai pembantupembantunya yang terdiri dari kalangan Muhajirin dan Ansar. Allah sendiri menyediakan di kalangan para Nabi itu tentera-tentera langit.

با أيها الذين آمنوا كونوا أنصار الله كما قال عيسى ابن مريم للحواريين من أنصاري إلى الله قال قال الحواريون نحن أنصار الله فأمنت طائفة من بني إسرائيل وكفرت طائفة فأيدنا الذين آمنوا على عدوهم فأصبحوا ظاهرين

Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembelapembela (ngama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isa ibni Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokongpenyokongnya itu: Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan ugamaNya)? Mereka menjawab: Kamilah pembela-pembela (ugama) Allah! (Setelah Nabi 'Isa tidak berada di antara mereka) maka sepuak dari kaum Bani Israīl beriman, dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya, maka menjadilah mereka orang-orang yang menang... 53

## Al-Sahbah Dan Al-Mujalasah

Dalam ilmu taṣawwuf disebutkan bahawa al-ṣahbah dan al-mujālasah atau perdampingan dengan seorang guru yang mursyīd itu adalah amat di tekankan. Berdasarkan kepada inilah, maka barulah seseorang itu akan mendapat kurnia dan limpahan rahmat dari Allah. Apakah tidak akan tercapai ma'rifatullāh atau limpahan-limpahan kurnia dari Allah kepada seseorang murid tanpa melakukan kedua-dua perkara di atas? Apakah cukup seseorang itu melakukan amalan-amalan yang dipelajarinya dari seseorang guru tanpa melalui disiplin-disiplin ta'lim, tarbiyyah dan tarqiyyah sebagaimana yang lazimnya dalam ilmu tasawwuf? Inilah beberapa persoalan yang sentiasa dinyatakan oleh mereka yang sentiasa meragukan perjalanan 'ulamā'- 'ulamā' sufi atau para masyaykh tarīqah.

Adapun pergaulan dan perdampingan para pengamal tar iqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan adalah berdasarkan apa yang telah di nyatakan dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Berdampingan dan juga pergaulan mereka ini dapat memberi kesan pada syahsiah, akhlak dan juga salik mereka kepada taqarrub ila-Llah. Berdamping dan

bergaul dengan para syaykh itu juga memberi kesan pada kerohanian dan amalan. Tidak dapat tidak, mereka ini akan memperolehi kebaikan dan kebenaran dari para syaykh yang *mursyid*. Jika mereka ini memilih untuk bersama orang-orang yang rosak sifatnya, jahat, fasiq kesemuanya itu akan memudaratkan akhlak mereka.

Demikian pula jika mereka ini memilih untuk bersama orang-orang yang beriman, bertaqwa, istiqāmah dan ma'rifatu-Llāh yang sebenar kepada Allah, tidak dapat tidak akan memperolehi akhlak sepertinya. Iman yang rāsih, sifat yang terpuji, ma'rifatu-Llāh yang hak dan terhindar dari sifat-sifat tercela. Demikianlah antara beberapa faedah pergaulan dan perdampingan dengan para 'ulamā' pewaris Nabi. Syaykh 'Abd Qādir 'Isā ada menyatakan hal ini dengan katanya:

فالطريق العملى الموصل لتزكيسة النفسوس والتحلى بالكما لات الخلقيه هو صحبة الوارث المحمدي والمرشد الصادق الذي تزداد بصحبته ايمانا وتقوى وأخلاقا ، وتشفى بملازمته و حضور مجالسه من أمراضك القلبية وعيوبك النفسيه ، وتتأثر شخصية المثالية شخصية الرسول (ص)

maka jalan beramal yang menyampaikan kepada penyucian jiwa dan pembersihannya kepada sifat-sifat terpuji yang menyempurnakan akhlak ialah dengan berdamping dengan para pewaris Nabi yang menunjukkan jalan kebenaran (syaykh mursyid) yang berdampingan dengan mereka itu akan menambahkan keimanan dan ketaqwaan dan akhlak yang baik, dan ia menjadi ubat yang menyembuhkan dengan berlaziman dengannya dan hadir dalam majlis (ta'lim)nya bagi mengubati hati dan kecacatan diri kamu, dan kesan syahsiah (yang dilihat dari syaykh mursyid) itu adalah juga contoh syahsiah Rasulullah s.a.w...<sup>54</sup>

Demikian juga keadaan para sahabat, mereka itu sebelumnya berada dalam zaman kegelapan Jahiliyyah sehinggalah mereka kenal dan bergaul serta berdamping dengan Nabi s.a.w. Mereka, angkatan sahabat itu diperlakukan pula oleh golongan tabi in perkara yang sama selepas kewafatan baginda Nabi s.a.w. Sesungguhnya perutusan risalah dakwah Nabi s.a.w. itu berlanjutan dan silih berganti sehingga hari Qiamat. Dan risalah ini diwarisi oleh para 'ulama'nya yang arif bi-Llah.

Mereka mewarisinya dengan ilmu, akhlak, iman, taqwa dan mendapat hidayah serta petunjuk dari Allah. Dari mereka inilah akan melimpahkan kepada manusia, jalan kebenaran dan petunjuk. Maka, orang yang mendampingi golongan ini dan bersamasama dalam keadaan ini, disifatkan seperti golongan sahabat yang mendampingi Nabi s.a.w. Sesiapa yang menolong mereka adalah seperti menolong mendirikan agama dan pergantungan mereka ini sebagai satu ikatan dan mata rantai yang bersambung kepada Nabi s.a.w. Inilah golongan yang beristiqamah dalam petunjuk dan taat setia kepada Nabi s.a.w. Merekalah golongan yang mewariskan perutusan Nabi s.a.w kepada manusia tentang agama, mencontohinya dalam kehidupan, menghidupkan sunnahnya, jelas dalam pengamalan dan pergantungan serta mereka inilah yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w.:

حدثنا سعيد بن منصور وأبو الربيع العتكي وقتيبة بن سعيد قالوا حدثنا حماد وهو ابن زيد عن أيوب عن أبي قلابة عن أبي أسماء عن ثوبان قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لا تزال طائفة من أمتي ظا هرين على الحق لا يضرهم من خذلهم حتى يأتي أمر الله وهم كذلك وليس في حديث قتيبة وهم كذلك

Diceritakan dari Sa'id bin Mansur dan Abu Al-Rabi' Al-'Ataqi dan Qutaibah bin Sa'id mereka berkata ; diceritakan kepada kami Hamad iaitu Ibn Zaid dari Ayub dari Abi Qalabah dari Abi Asma' daripada Sauban berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: Masih lagi ada sekumpulan dari umatku yang menzahirkan kebenaran tanpa memberi kemudharatan kepada mereka sehingga datang urusan Allah (ketetapan) dan mereka itu tetap dengan keadaan yang demikian... 55

Allah dalam firmannya menyifatkan golongan ini:

Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada tuhan mereka pada waktu pagi dan petang yang mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan di dunia semata-mata, dan janganlah engkau mematuhi orang-orang yang Kami ketahui, hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran serta ia menurut hawa nafsunya dan tingkah lakunya pula melampaui kebenaran... <sup>56</sup>

Di dalam ayat yang lain, Allah Ta'ala menegaskan bahawa adalah amat penting untuk bersahbah atau bergaul dengan mereka yang benar tauhid dan amalannya. Firman Allah:

Dan turutlah jalan orang-orang yang kembali rujuk kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat engkau sekalian kembali, Maka aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu kerjakan... <sup>57</sup>

Dalam ayat yang lain, Allah Ta'ala menggambarkan kekecewaan dan penyesalan golongan yang dahulunya semasa di dunia menafikan apa yang dinyatakan oleh Rasulullah dan orang-orang yang beriman selepasnya. Mereka ini di nyatakan oleh Allah sebagai golongan yang z *alim* dan sesat. Firman Allah:

Dan (ingatkanlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (marahkan dirinya sendiri) sambil berkata; Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama Rasul , Wahai celakanya aku, alangkah baiknya aku kalau tidak mengambil si anu itu menjadi sahabat karib. Sesungguhnya dia telah menyesatkan aku dari jalan peringatan (al-qurān) setelah ia sampaikan kepada aku. Dan adalah syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia yang menjadikan dia sahabat karibnya... <sup>58</sup>

Maka Nabi s.a.w. menyatakan pula golongan yang benar itu iaitu golongan sentiasa berdamping dan bergaul dengan baginda Nabi. Mereka itulah akan mendapat kesan dalam diri mereka amalan dan tarbiyyah yang baik. Dengan berdamping dengan baginda akan mendapat mur yaqin dalam hatinya, peningkatan jiwa dan iman, penyucian ruh, pembersihan hati sehingga mencapai iman mereka pada musyahadah dan muraqabah. Adapun di kalangan para pengikut tariqah Ahmad iyyah itu berpendapat, bahawa berdampingan dengan syaykhnya itu wajib. Ini adalah kerana syaykh adalah mereka yang kehidupannya sentiasa ikhlas dalam ibadatnya.

Demikian itulah syaykh harus dituruti dan ditaati, menerima nasihat yang baik dan memberi petunjuk dalam pembentukan kerohanian dan *tarbiyyah* sehingga wujudnya hubungan kerohanian antara syaykh dan murid. Maka berdampingan dengan syaykhnya itu boleh mendatangkan kepada *al-barākah* sebagaimana halnya para sahabat yang berdampingan dengan Nabi s.a.w. <sup>60</sup>

Maka para 'arif bi-Llāh menyatakan bahawa setiap murid yang mengikut tar qah yang menyampaikan mereka kepada Allah, hendaklah melalui jalan berdampingan dengan syaykhnya. Dan mereka hendaklah berpegang bahawa para syaykh itu adalah orang-orang yang memberi jalan petunjuk yang jelas kepada Allah. Imām al-Ghazali menyatakan:

Duduk bersama-sama (berdamping) dengan para ahli sufi itu fardhu 'ain, selagi mana mereka tidak didatangi rasa malu atau sakit melainkan para Nabi a.s...<sup>61</sup>

Beliau menegaskan lagi bahwa beliau sendiri pada awalnya tidak mempercayai akan golongan 'ulamā'-'ulamā' taṣawwuf atau mereka yang melalui jalan ilmu tar iqah yang disampaikan oleh para 'ulamā' dan salaf-al-saleh terdahulu. Sehinggalah akhirnya setelah Imām al-Ghazāli mendalami dan berdampingi dengan syaykhnya barulah beliau mendapat kefahamannya.

كنت فى مبدأ أمري منكرا الأحوال الصالحين ومقامات العارفين, حتى صحبت شيخي (يوسف النساج) فلم يزل يصقلني بالمجاهدة حتى حظيت بالواردات...

Aku pada peringkat awalnya adalah orang yang ingkarkan tentang (perkara yang berkaitan) hal-hal para solihin dan kedudukan maqammaqam para 'arifin (orang-orang 'arif) Sehinggalah aku berdamping (belajar) dengan syaykhku (Yusof Al-Nassaj). Syaykhku itu terus menerus menggalakkan aku untuk bermujahadah sehinggalah aku dikurniakan pelbagai warid...<sup>62</sup>

Berdampingan yang dimaksudkan di sini ialah mengikuti pengajaran-pengajaran syaykh, berkhidmat menguruskan keperluan-keperluan syaykhnya, dan lain-lain lagi. Pusat gerakan tar qah Ahmad iyyah yang terletak di beberapa kawasan di Negeri Sembilan seperti di Ampangan dan Rasah seringkali menjadi tumpuan para muridmurid yang belajar daripada syaykh tar qah Ahmad iyyah. Mereka ini akan mengunjungi dan menziarahi syaykh samada untuk belajar agama atau mengadu segala masalah berhubung dengan ehwal kehidupan mereka.

Dari sini, kita dapat melihat kebanyakan pengikut tariqah Ahmadiyyah mempunyai hubungan yang jelas dengan syaykh mereka seperti yang digambarkan. Sebagai contoh, seorang murid menghadapi masalah kewangan telah mengadu kepada syaykh masalahnya itu. Maka syaykh itu terus memberikan bantuan kewangan kepadanya. Kemudian, datang murid yang lain, mengadukan masalah yang sama. Maka syaykh akan mengarahkan murid itu supaya menggandakan usahanya untuk mencari

rezeki. Kemudian datang pula murid yang lain, menghadapi masalah yang sama. Maka syaykh contohnya akan mengarahkan murid itu meminjam dari sahabatnya.

Dari ketiga-tiga kes di atas, masalah yang sama tetapi cara penyelesaiannya adalah berbeza. Apa yang dapat difahami dari cara penyelesaian seorang syaykh itu terhadap masalah muridnya adalah bukanlah sekadar pendapat dan penilaian zahir semata-mata sahaja. Ia sebenarnya mengandungi hikmah dan juga rahsia keruhanian yang tersirat. Dasar seorang syaykh memberikan tarbiyyah dan tarqiyyah kepada murid tadi adalah sebenarnya memandang maqam dan juga tahap keruhanian atau perjalanan seorang salik. Begitu juga dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah ke atas para sahabatnya.

(Abu 'Abdullāh) berkata; Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah? Nabi bersabda, Sembahyang pada waktunya, berbuat baik kepada ibubapa dan jihad fi sabilillah. 63

Satu masa, datang seorang sahabat bertanyakan kepada Nabi s.a.w apakah amalan yang paling baik di sisi Allah Ta'ala. Maka Nabi menyatakan; solat pada waktunya. Datang pula seorang sahabat yang lain menyatakan perkara yang sama. Tetapi baginda Nabi s.a.w. memberikan jawapan; berbuat baik kepada ibu bapa. Datang pula sahabat yang ketiga bertanyakan masalah yang sama dan Nabi memberikan jawapan yang berbeza-beza.

Para 'ulama' tasawwuf menyatakan jawapan Nabi s.a.w. yang berbeza-beza itu adalah kerana baginda Nabi s.a.w. apabila menjawab persoalan tersebut memberikan jawapan berdasarkan kefahaman para sahabat dan juga tahap kerohanian mereka. Dalam erti kata yang lain Nabi s.a.w. memandang peningkatan (tarqiyyah) kerohanian sahabatnya.

Sedangkan soalannya adalah sama tetapi dalam jawapan baginda yang pertama adalah kerana sahabat tersebut adalah seorang yang lalai dalam solatnya atau melambat-lambatkan waktu solat. Jawapan baginda kepada sahabat yang kedua pula adalah kerana beliau seorang yang tidak pernah berbuat sebarang kebaikan atau selalu meninggalkan penghormatan kepada kedua ibu bapanya. Dan begitulah seterusnya. Nabi s.a.w. apabila menghadapi pertanyaan atu disoal oleh sahabat memberikan jawapan yang boleh diterima oleh seseorang sahabat itu. Atau tahap kefahaman mereka supaya mudah kepada mereka untuk melakukan amalan dan kebajikan.

Dalam hal ini dinyatakan bahawa dalam satu-satu masa hubungan murid dengan syaykh itu adalah seumpama hubungan seorang anak dengan ayah. Begitulah yang berlaku mengikut apa yang dinyatakan oleh sebahagian besar para pengikut tar iqah Ahmad iyyah. Syaykh mereka itu kadangkala mempunyai sifat sebagai seorang ayah apabila berhadapan dengan muridnya. Mereka juga bergurau senda dan beramah mesra dengan muridnya. Sehinggakan ada di kalangan murid-murid ini menganggap syaykh mereka sebagai ayah kandung sendiri.

Namun begitu secara ilmunya, disiplin pergaulan dan hubungan sosial antara murid dengan syaykh tariqah Ahmad'iyyah itu adalah terbatas dengan beberapa adab dan prinsipnya. Antaranya ialah menjadikan sifat benar (sidq) dalam dirinya samada zahir mahupun batinnya secara asas dalam hubungan dengan syaykhnya. Murid hendaklah menjadikan segala kalam syaykhnya itu sebagai satu perintah dan juga arahan yang harus dipatuhi sekalipun perintah itu berlawanan dengannya. Murid juga dikehendaki menjauhi segala larangan syaykhnya dan meramal-ramalkan akan segala natijah dari arahan dan larangan syaykhnya itu.

Murid juga tidak boleh menentang, menghalang atau menolak apa yang dibuat oleh syaykhnya sekalipun jelas pada pandangan zahirnya menyalahi syari'at. Bukanlah bermaksud syaykh itu terpelihara dari sebarang dosa dan kesilapan. Ini adalah kerana apa yang diingkarkan oleh seseorang murid itu adalah kerana kekurangan ilmunya tentang hakikat sesuatu itu tanpa berlandaskan keilmuan dan hikmah. Contoh yang

paling nyata sekali ialah dalam peristiwa Nabi Musa dengan Nabi Khidir a.s. Nampak pada pandangan zahirnya, perbuatan Nabi Khidir itu seolah-olah berlawanan dengan syari'at Allah. Tetapi apa yang sebenarnya adalah berlawanan sekali dengan hakikat ilmu yang Allah berikan kepada beliau. Peristiwa ini dikisahkan oleh Allah di dalam al-Quran:

Ia (Khidir)menjawab: Sekiranya engkau mengikutku, maka janganlah engkau bertanya kepadaku akan sesuatupun sehingga aku ceritakan halnya kepadamu...<sup>64</sup>

Seterusnya Allah menceritakan:

Dan (ingatlah Mūsā) aku (Khiḍir) tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri. Demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya. 65

Begitu juga dengan apa yang berlaku dalam peristiwa perjanjian Hudaibiyyah. Digambarkan dalam peistiwa itu Nabi s.a.w., seolah-olah membenarkan pihak Quraisy. menekan umat Islam sehingga sebahagian sahabat nampak tidak berpuas hati dengan isi-isi perjanjian tersebut. Padahal apa yang berlaku itu adalah arahan Allah sematamata kepada Nabi s.a.w. Mereka beranggapan perjanjian tersebut seperti menghina Allah dan Rasulnya. Ini dinyatakan dalam al-Quran:

إذ جعل الذين كفروا في قلوبهم الحمية حمية البجاهلية فأنزل الله سكينته على رسوله وعلى المؤمنين وألزمهم كلمة التقوى وكانوا أحق بها وأهلها وكان الله بكل شيء عليما

(Ingatlah dan kenangkanlah ihsān Tuhan kepada kamu) ketika orangorang yang kafir itu menimbulkan perasaan sombong angkuh yang ada dalam hati mereka (terhadap kebenaran Islam) - perasaan sombong angkuh secara Jāhiliyah (yang menyebabkan kamu panas hati dan terharu), lalu Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman (sehingga tercapailah perdamaian), serta meminta mereka tetap berpegang kepada K alimah Taqwa, sedang mereka (di sisi Allah) adalah orang-orang yang sangat berhak dengan k alimah Taqwa itu serta menjadi ahlinya. Dan (ingatlah), Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu... <sup>66</sup>

Murid dalam pergaulan dengan syaykhnya itu tidak boleh memberi nasihat atau apa-apa pandangan kepada syaykhnya itu. Mereka hendaklah memulangkan kembali sebarang persoalan dan juga pandangan-pandangan kepada syaykhnya dengan beranggapan bahawa syaykhnya itu lebih mengetahui. Berlaku juga seorang syaykh itu cuba meminta pandangan kepada murid, tetapi adalah sebagai menunjukkan rasa kemesraan dan kasihnya.

Namun, jika syaykhnya itu benar-benar meminta pandangan muridnya, maka barulah boleh memberi pandangan dengan penuh adab dan kesempurnaan pergaulan. Dan hendaklah murid itu meminta izin dengan sebaiknya daripada syaykh jika ingin menyatakan pendapatnya. Ini dibuktikan dalam peristiwa *Ghazwah Badar* di mana seorang sahabat bernama Habbab bin Munzir r.a. meminta izin kepada Nabi untuk memberi pandangan. Kata beliau:

Wahai Rasulullah adakah tempat ini diwahyukan kepadamu oleh Allah sehingga kita tidak boleh lagi berpindah dari sini, atau bolehkah dikemukakan pandangan bagi menjalankan tipu helah peperangan...<sup>67</sup>

Nabi s.a.w. bersetuju dengan cadangan sahabat tersebut. Begitu juga dalam Ghazwah Khandak Rasulullah diberi cadangan oleh sahabat untuk menggali Khandak atau parit sebagai satu strategi peperangan oleh Salmān al-Farisi. Dan banyak lagi peristiwa yang memberi pengajaran bagaimana muāmalah sahabat dengan baginda Nabi s.a.w.

Penulis dalam penyelidikannya beberapa kali mendengar beberapa orang murid dalam tariqah Ahmad'iyyah melafazkan kalimah, "Minta Izin Tuan", atau "Minta Izin Tuan" dalam dalam ikhwan tariqah Ahmad'iyyah dengan panggilan "Tuan". Penulis juga mendapati kebanyakkan golongan tua atau mereka yang sudah berumur membahasakan diri seseorang itu dengan panggilan "Tuan".

Ini mungkin kesan daripada pengajaran dan perkembangan dakwah Islam yang menyarankan supaya mereka ini menghormati sesama sendiri. Dalam menjaga hubungan sosial di kalangan ikhwan tariqah Ahmadiyyah, murid-muridnya dihendaklah sentiasa berada dalam keadaan tenang dan hormat ketika berada bersama syaykhnya. Tidak menunjukkan dirinya atau berada dengan kedudukan membelakangkan syaykhnya dan mendahulukan syaykhnya dalam apa sahaja perkara.

Contohnya, murid tidak boleh menjamah makanan atau minuman sebelum dijamah oleh syaykhnya. Murid juga mestilah berada dalam duduk yang sopan semasa berada bersama-sama dengan syaykhnya. Murid juga hendaklah menunggu masa yang sesuai untuk melakukan sebarang pertanyaan atau memulakan perbualan dengan syaykhnya setelah mendapat keizinannya. Murid juga hendaklah membahasakan syaykhnya sebagaimana lazimnya panggilan hormat kepada seseorang syaykh seperti Tuan Guru, Tuan Sidi, Syaykh, Maulānā dan sebagainya.

Adab-adab yang digariskan oleh *ikhwan* tariqah Ahmadiyyah ini juga adalah berdasarkan apa yang dinyatakan dalam al-Quran. Selepas *nubuwwah* Nabi s.a.w. maka sekalian umat Islam tidak lagi memanggil baginda dengan panggilan *Muhammad* atau *Ya Muhammad*. Tetapi ditukarkan dengan panggilan *Ya Rasulullah*, *Ya Nabi Allah*, *Ya Sayyidana* dan lain-lain gelaran mulia kepada Nabi. Allah berfirman:

Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (s.a.w.), merekalah orang-orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar... <sup>69</sup>

Para 'ulama' menyatakan bahawa terdapat beberapa adab yang perlu dilaksanakan oleh para murid ketika mereka berdampingan dengan para syaykh mereka.

Antara lain ialah menghormati pemberian syaykh. Pemberian syaykh itu adalah

kemesraan dan kasih sayang seorang syaykh. Pemberian ini juga dalam ilmu tar iqah dikenali sebagai khirqah. Maka murid yang menerima sebarang hadiah atau pemberian dari syaykh tidak boleh menolaknya samada membuangnya, menjualkannya atau memberikannya pada orang lain. Ini kerana syaykh itu memandang supaya muridnya itu diberikan limpahan keberkatan oleh Allah. Mungkin akan datang keberkatan dan hikmah dari barang yang dihadiahkan oleh syaykhnya itu.

Para murid juga dikehendaki berkhidmat kepada syaykhnya itu sekadar yang termampu dengan jalan hartanya dan tenaganya. Ini adalah sebagai rasa cintanya seorang murid itu kepada syaykhnya yang memberikan jalan petunjuk kepada mendekatkan dirinya kepada Allah. Lihatlah bagaimana cintanya Abū Bakar kepada Nabi s.a.w. sehingga segala kekayaannya diinfaqkan untuk jalan Allah. Allah menceritakan perihal Abu Bakar ini dalam firmannya:

Yang mendermakan hartanya dengan tujuan membersihkan dirinya dan hartabendanya, Sedang ia tidak menanggung budi sesiapapun, yang patut di balas, Hanyalah mengharapkan keredaan Tuhannya Yang Maha Tinggi; Dan demi sesungguhnya, ia tetap akan berpuas hati (pada hari akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya)...<sup>70</sup>

Allah Ta'ala menjelaskan bagaimana menunjukkan rasa cinta kepadanya dengan mencinta para utusannya: Firman Allah;

Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosadosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.<sup>71</sup>

Nabi s.a.w. mengingatkan setiap umatnya yang ingin mencintai Allah hendaklah mengikut setiap apa yang datang daripadanya. Dan setiap yang mencintai Allah itu adalah juga dicintai oleh Nabi. Maka orang-orang yang darjatnya sampai kepada maqām para Nabi dan di sisi Allah ialah mereka yang dinyatakan sebagai golongan siddiqin, sālihin dan syuhada. Maka para syaykh itu kedudukan sebagaimana yang telah diterangkan lalu adalah termasuk dalam salah satu golongan ini.

Pengikut-pengikut tariqah Ahmadiyyah di sarankan supaya berkhidmat kepada syaykh dan keluarganya. Mereka juga hendaklah sentiasa menjaga kehormatan dan kemuliaan keluarga syaykh mereka. Ketika mana syaykhnya itu berjauhan kerana urusan-urusan tertentu, hendaklah mereka menolong melihat keperluan dan menziarahi keluarga syaykhnya. Mereka dilarang melakukan sebarang perkara yang boleh menimbulkan fitnah dan prasangka umum terhadap keluarga syaykhnya itu. Di kalangan syaykh tariqah Ahmadiyyah itu terdapat beberapa orang yang berkhidmat

kepada keluarganya antaranya seperti Tuan Haji Daud bin Umar. Beliau dikatakan adalah antara orang yang telah memberikan khidmat kepada keluarga Syaykh Muhammad Sa'id semenjak zaman beliau hinggalah ke zaman anaknya Syaykh Ahmad bin Muhammad Said.<sup>72</sup>

Selain dari itu, para murid dalam tarīqah Ahmad iyyah juga diasuh bersegera melakukan perintah syaykhnya tanpa ragu-ragu atau menangguh-nangguhkan hingga ke masa-masa yang lain. Mereka juga dilarang mencuaikan arahan syaykh itu, merehat-rehatkan diri mereka dengan pelbagai tadbir dan juga sangkaan-sangkaan ke atas arahan syaykhnya itu. Adapun murid itu hendaklah terus melakukan apa yang disuruh oleh syaykhnya itu tanpa banyak bicara. Para murid itu sememangnya tidak mengetahui apakah hikmah yang terkandung daripada arahan syaykhnya.

Dalam sirah baginda Nabi s.aw. Baginda s.a.w. pernah mengarahkan Saidina Ali ke suatu tempat yang jaraknya tiga hari perjalanan beserta dengan surat arahan dari baginda. Saidina Ali diarahkan untuk membuka surat arahan ditangannya hanya selepas sampai ke tempat yang ditujuinya itu. Dalam hal ini, seorang murid seperti Saidina Ali r.a. tidak banyak bicara terus sahaja bergerak ke tempat yang dimaksudkan oleh baginda Nabi dan kemudiannya barulah beliau membuka surat arahan yang dibawanya bersama.

Para 'ulama' tasawwuf dan syaykh tariqah sepakat menyatakan bahawa antara adab penting seorang murid itu ialah mengikut sahaja apa yang diperintahkan oleh syaykhnya tanpa soal sedikitpun. Disebutkan:

Dan setengah daripada urusan (adab) murid itu ialah tidak boleh berkata sama sekali kepada syaykhnya : mengapa (begitu/begini). Telah diijma'kan oleh para syaykh bahawa tiap-tiap murid yang telah bertanya/menyoal syaykhnya: mengapa (begitu/begini?) itu tidak akan berjaya di dalam jalan (Allah) itu. <sup>74</sup>

Murid juga adalah dikehendaki dalam adab belajar dengan syaykhnya itu, sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu atau ta'limnya. Ini kerana murid-murid tar iqah Ahmad iyyah itu hendaklah menuntut ilmu sebagai satu bekalan dalam dirinya. Adalah merupakan satu pandangan yang salah bahawa mereka yang sudah mengambil amalan beramal dhikir-dhikir dari seseorang syaykhnya itu meninggalkan terus urusan menuntut ilmu. Ini adalah satu kesilapan. Kerana seseorang murid itu memang memerlukan kefahaman yang jelas daripada amalan-amalannya itu.

Dengan mengikuti majlis-majlis ilmunya itu akan menambahkan lagi kefahamannya dan mendapat rahsia-rahsia yang terhambur daripada *mur ilahiyyah*. Ilmu mengenai tasawwuf dan tariqah itu mestilah berjalan atas dasar *syari'at* dan

kemudian barulah mendapat peningkatan dalam peringkat marifat dan hakikat yang sebenar. Allah berfirman;

Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah (dengan syarī'at dan tarīqah nya); dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu (akan haqīqah dan ma'rifatnya); dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu... <sup>75</sup>

Sebagai murid yang sedang dalam perjalanan kepada Allah, tentulah mereka ini akan mengalami beberapa keadaan (ahwāl) dan pengalaman kerohanian yang mereka sendiri tidak mengetahuinya. Maka murid ini hendaklah mengkhabarkan kepada syaykhnya sebarang natijah atau apa-apa sahaja peningkatan kerohanian yang berlaku kepada dirinya. Jika seseorang murid tariqah Ahmad iyyah itu mendapat natijah atau sebarang kurnia seperti kasyaf dan seumpamanya, maka hendaklah dikhabarkan kepada gurunya. Murid itu di khuatiri akan mentafsirkan atau mengandai-andaikan natijah yang berlaku atas dirinya. Dan juga menyangka-nyangka akan keadaan tersebut. Sedangkan mereka itu sendiri tidak tahu. Syaykh Soleh al-Ja'afari menegaskan dalam kitab Kanz al-Saadah berbunyi:

Dan tidak boleh bagi seorang murid itu menceritakan apa yang dilihat dalam mimpinya semasa tidurnya dan yang selain daripada itu melainkan kepada syaykhnya sahaja, untuk memberi petunjuk apa yang dilihatnya itu... <sup>76</sup>

Dengan adanya seorang syaykh mursyid yang memimpin, maka murid tersebut akan terselamat dari sebarang gangguan hatinya atau bisikan syaitan. Syaykh itu sendiri sebenarnya adalah mereka yang pernah mengalami dan menempuhi perjalanan tersebut. Dia juga dipimpin oleh seorang syaykh yang lain sebelumnya. Maka di sinilah perjalanan sebenar dalam ilmu tariqah yang dikenali sebagai salasilah seperti yang telah diterangkan sebelumnya. Imam al-Ghazali menegaskan betapa pentingnya asuhan seorang syaykh yang mursyid itu dengan katanya:

بحتاج المريد الى شيخ وأستاذ يقتدى به ليهديه الى سوأ السبيل . فاءن سبيل الدين غامض وسبيل الشيطان كثيرة ظاهرة فمن لم يكن له شيخ يهديه قاده الشيطان الى طرقه . فمن سلك سبل البوادى المهلكة بغير خفير فقد خلطر بنفسه وأهلكها ويكون المستقبل بنفسه كالشجره تنبت بنفسها فانها تجف على القرب وان بقيت مدة واورقت لم تثمر فمعتهما لمريد شيخه فاليتمسك به ...

Seseorang murid itu perlu kepada seorang syaykh dan ustaz yang boleh diikutinya, agar syaykh itu akan menunjukkan arah jalan yang benar. Sesungguhnya jalan agama itu adalah samar dan jalan-jalan syaitan pula terlalu banyak dan mudah pula. Sesiapa yang tidak ada syaykh yang memimpinnya, maka syaitanlah yang memimpinnya kearah jalan-jalannya. Sesiapa yang berjalan dilembah-lembah bahaya tanpa orang yang menjaga keselamatannya sesungguhnya ia telah membahayakan dirinya sendiri dan membinasakannya. Orang yang bersendirian tanpa syaykh itu adalah seperti pokok yang tumbuh sendiri, yang pasti akan

mudah mati, jika pokok tersebut terus hidup dan berdaun (rimbun), ia tidak akan berbuah. Maka orang yang mengawasi seseorang murid itu ialah syaykhnya. Maka hendaklah murid itu berpegang teguh terhadap syaykhnya. <sup>77</sup>

Di dalam tariqah Ahmadiyyah sendiri telah disusun beberapa kaedah kepada seseorang murid dan salik itu untuk menghindarkan diri mereka daripada sebarang gangguan sama ada syaitan, jin, manusia dan juga bisikan-bisikan kejahatan semasa mereka itu melakukan amalan dhikir dan juga khalwat. Ini disusun dalam sebuah kitab yang bertajuk Husan Al-Aman Min Syaitan Min al-Jan Min Al-Insan. Di antara munajatnya ialah:

بسم الله أمسينا بالله الذي ليس فيه شئ ممتنع, وبعزة الله التى لا ترام ولاتضام, وبسلطان الله المنيع نحتجب, وبأسمائه الحسنى كلها عائر من الأبالسة ومن شر شياطين الانس والجن, ومن شر كل معلن أو مسر, ومن شر ما يخرج بالليل ويكمن بالنهار, ويكمن بالليل ويخرج بالهار

Dengan nama Allah kami berpetang-petangan dengan nama Allah yang tidak ada sesuatu pun yang menghalangnya, dan dengan keagungan Allah yang tidak terpisah dan tidak bergabung dan kekuasaannya yang tidak terlindung dari segala sesuatu yang menghalang perlindungannya, dan dengan nama-namaNya yang baik semuanya menjadi pelindung daripada Iblis dan Syaitan dari kalangan Jin dan Syaitan di kalangan manusia, dan daripada kejahatan setiap yang jelas atau tersembunyi dan daripada kejahatan apa yang keluar pada waktu malam dan tersembunyi pada waktu siang dan yang tersembunyi pada waktu malam dan yang keluar pada waktu siang...<sup>78</sup>

Di antara adab yang lain ialah, para murid tar iqah Ahmad iyyah itu tidak boleh bertemu sesama mereka pada sesuatu tempat dengan tujuan berkumpul untuk

mengadakan majlis dhikir atau selain dari itu melainkan dengan mendapat keizinan syaykhnya. Murid juga tidak boleh memandai-mandai memimpin perjalanan tar qah yang dibawa oleh syakhnya itu selagi belum mendapat keizinan syahkhnya. Sekalipun untuk memimpin sesama mereka iaitu di kalangan murid-murid syaykhnya.

Dan tidak boleh murid itu meragui atau memandang rendah darjat syaykhnya. Kerana para syaykh itulah sahaja yang bertanggungjawab di atas persoalan tarbiyyah muridnya dan kerohaniannya. Seseorang murid itu tidak boleh melakukan sesuatu amalan melainkan amalan syaykhnya sahaja. Dalam kata yang lain murid-murid tar qah Ahmad iyyah itu mestilah mengikuti tar qah yang dipimpin oleh syaykhnya itu. Ini dijelaskan dalam Kanz Saladah:

dan tidak dapat tidak dengan izin syaykh sahajalah seseorang murid itu akan melakukan janji setianya (untuk beramal) dan tidak boleh seseorang murid itu untuk mengambil (bai'ah) atau belajar dari murid yang lain yang bersamanya sebagaimana adalah tidak boleh memberikan taat setia dan menjadikan seseorang syaykh yang lain sebagai syaykhnya sedangkan murid itu sudahpun memberikan taat setia kepada syaykhnya yang terdahulu, walaupun dia (syaykh) itu rakannya...

Murid-murid tariqah Ahmadiyyah hendaklah menjaga adabiyyah tariqahnya kerana perjalanan sesuatu tariqah itu ada adab-adabnya. Mereka itu adalah menjadi murid bagi syaykhnya. Tidak boleh mereka itu mengutamakan seseorang pun dari saudara-saudara atau ikhwan dalam tariqah itu, melainkan dengan perintah syaykhnya. Dan syaykhnya itu tidak akan melakukan sedemikian kecuali ketikamana ia melakukan perjalanan atau musafir yang lama atau jauh. Atau syaykhnya itu mengetahui telah sampai ajalnya.

Dan ketika itulah boleh beliau melakukan perlantikan wakil-wakilnya atau khālifah-khālifahnya yang difikirkan layak di kalangan para muridnya. Islam telah mensyarī 'atkan untuk hormat-menghormati sesama saudara muslimnya. Dalam ilmu taṣawwuf, wakil-wakil syaykh atau khālifah-khālifahnya perlu dihormati kerana mereka itu adalah orang yang sudah mencapai darjah dipercayai untuk melaksanakan amanah syaykhnya. Seolah-olah segala arahan dan tunjuk ajar mereka itu adalah juga datangnya daripada syaykhnya itu. Murid tidak boleh mengingkari apa yang diarahkan oleh para wakil syaykhnya itu kerana hakikatnya itulah arahan dari syaykhnya. Hubungan murid sesama saudaranya ini akan diterangkan dalam bahagian seterusnya.

Hubungan seterusnya diterangkan adab seorang murid tariqah Ahmadiyyah itu mestilah sentiasa meminta pandangan dan keizinan dari syaykhnya yang bersangkutan dengan dirinya. seorang murid yang ingin melakukan musafir perlu terlebih dahulu mendapat keizinan dari syaykhnya. Lazimnya seorang anak memberitahu kepada ibu

bapanya yang dia ingin melakukan sesuatu perjalanan atau keluar dari daerah meninggalkan kedua ibu bapanya kerana tujuan-tujuan tertentu. Ini sememangnya disyaratkan menurut pandangan 'ulamā' fiqh sebagai meminta izin dan menghormati ibu bapa. Begitu juga halnya dalam perjalanan ilmu taṣawwuf. Syaykhnya itu adalah bapa kerohaniannya. Maka tentulah terlebih perlu meminta izin dari bapa rohaninya dengan meminta pandangan dan petunjuk kepada perjalanannya itu. Samada syaykhnya itu mengizinkan atau tidak.

Mungkin tiada faedahnya murid itu melakukan musafir kerana ianya akan hanya menjauhkan murid itu dari limpahan-limpahan kerohanian dan keberkatan hasil dari perdampingan dan pergaulannya dengan syaykhnya itu. Atau juga mungkin di sana adanya bisikan-bisikan hawa nafsu dalam tujuan musafirnya itu. Allah Ta'ala berfirman

Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari negerinya dengan berlagak sombong dan menunjuk-nunjuk (kekuatan mereka) kepada orang ramai (kerana hendak meminta dipuji), serta mereka pula menghalang manusia dari jalan Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Meliputi pengetahuanNya akan apa yang mereka kerjakan... 80

Dalam hal ini Syaykh al-Sarqusti menyatakan :

Sesungguhnya tidak lah berguna musafir/perjalanan mereka itu (murid/sālik) tanpa mendapat keizinan dari syaykhnya dan juga bapanya, kerana tanpa keizinan syaykh, perjalanannya itu tidak mendapat keberkatan baginya, dan tiadalah ia termasuk dalam perjalanan yang menuju kepada Allah bahkan padanya (perjalanan) itu mencacatkan janji setia (untuk mentaati syaykhnya) yang diambilnya dari syaykhnya itu ... 81

Syaykh Muhammad Sa'id sendiri, ketika menjadi murid kepada Syaykh Muhammad bin Ahmad *al-Dandarāwi* pernah bercadang untuk melanjutkan pengajiannya sekali lagi di Mesir. Lalu beliau meminta izin dari syaykhnya tetapi dilarang oleh syaykhnya dengan mengatakan :

kalau engkau pergi ke Mesir selama tiga puluh tahun pun, engkau tidak akan memperolehi apa yang engkau inginkan dan oleh kerana itu lebih baik engkau kembali ke tanah air (Tanah Melayu). Dan apa yang engkau inginkan itu akan tercapai semuanya... <sup>82</sup>

Oleh kerana taatkan kepada perintah syaykhnya, maka Syaykh Muhammad Sa'id kemudiannya telah kembali ke Tanah Melayu. Begitulah sifat seorang murid yang mengetahui akan adab dan pergaulannya dengan seorang syaykh yang memimpinnya.

Dalam ilmu tasawwuf dan tariqah, antara adab murid kepada syaykhnya itu ialah tidak boleh murid itu mencari-cari atau mengintip-intip kesalahan-kesalahan syaykhnya. Kerana murid yang mencari-cari kesalahan syaykhnya itu akan menjadi binasa sebagaimana yang telah banyak berlaku. Mereka sebenarnya bukan mencari syaykh mursyid, tetapi lebih kepada kecacatan dan kekurangan yang ada pada seseorang syaykh. Mereka tidak memandang kepada kebaikan atau ketaqwaan seseorang syaykh.

Maka orang atau murid seperti ini ditutupkan oleh Allah kelebihan-kelebihan yang ada pada syaykh itu dan dinampakkan sifat-sifat kekekurangan semata-mata.

Sifat ini sebenarnya adalah sifat orang-orang munafiq. Zahirnya menyatakan ketaatan tetapi menafikan pada batinnya. Sifat golongan munafiq pada zaman Nabi s.a.w dahulu ialah dengan mencari-cari kecacatan, kesilapan dan kelemahan-kelemahan pada diri baginda Nabi, keluarganya dan Islam itu sendiri. Sehingga ketika terjadinya teguran Allah pada diri baginda dan keluarganya mereka akan memperbesarkan dan menyebarkan. sebagaimana yang tersebut dalam al-Quran:

Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).

Syaykh 'Ali al-Khawwas dalam kenyataannya berhubung dengan masalah murid yang mencari-cari kecacatan dan kesalahan para syaykh mursyid itu ialah antara perkara yang sangat merosakkan murid itu sendiri. Kata beliau:

(perkara yang sangat merosakkan murid itu) ialah perbuatan mencaricari kecacatan ahli-ahli taṣawwuf tanpa mahu mengikuti (kepimpinan mereka)...<sup>84</sup>

Di kalangan masyarakat awam, kebiasaan mereka apabila ingin mencari seorang guru atau syaykh akan meletakkan beberapa syarat dalam diri mereka. Antaranya mestilah guru atau syaykh itu pada mereka memakai jubah, berserban, sentiasa nampak sifat-sifat tawaddu', lemah lembut, melazimkan perkara-perkara sunat dan sebagainya. Apabila sifat ini tiada pada diri syaykh itu maka mereka akan mengatakan bahawa itu bukanlah seorang syaykh yang baik, bagus atau sebagainya.

Sedangkan mereka sendiri adalah orang yang banyak meninggalkan perkaraperkara yang mereka jadikan sebagai panduan dalam mencari syaykh mursyīd itu. Lebih malang lagi, mereka menuduh bahawa ilmu tasawwuf atau tarīqah itu tidak ada dalam Islam. Sebahagiannya pula meletakkan satu asas, mestilah mendalami ilmu tauhīd dan syarī'at sebelum menceburkan diri dalam ilmu tasawwuf. Kerana tanpa mendalami kedua-dua ilmu ini, dikhuatiri mereka akan tersesat ketika berada di dalam ilmu tasawwuf. Pada hal ini bukanlah kerana untuk meningkatkan ketaqwaan. Apa yang berlaku ini, sebenarnya untuk menafikan ilmu tasawwuf ini bahkan memusuhinya dengan pelbagai hujaman dan juga tuduhan yang tidak berasas.

Perkara ini sebenarnya telah di beri perhatian oleh pimpinan-pimpinan dalam tariqah Ahmad iyyah. Masalah tuduhan dan dakwaan liar bahawa tariqah Ahmad iyyah

ini tidak benar, sesat dan sebagainya, bukanlah satu perkara yang baru. Syaykh Ahmad telah memberi peringatan ini dengan katanya:

Dan jika anda masih tidak puas hati dengan perjalanan tar iqah ini (tar iqah Ahmad iyyah) seperti terdapat beberapa keraguan dan tanda tanya dalam hati, maka silalah anda bertanya kepada sesiapa sahaja yang mengetahui tentang tar iqah itu dengan penuh jujur di maksudkan untuk menghilang keraguan menjawab tanda tanya dalam hati supaya cahaya kebenaran benar-benar menerangi kegelapan yang melanda hati anda, jangan sekali-kali anda membidas dari jauh kerana cara itu bukan sikap orang yang hendak mencari kebenaran. Jika anda enggan atau tidak dapat bertanya, maka berserahlah kepada Allah dan pohon daripadanya supaya diberi pertunjuk akan hakikat kedudukan tar iqah ini. 85

Allah Ta'ala menyatakan perihal keadaan orang-orang yang mencari-cari kecacatan atau keaiban seseorang itu dalam firmanNya;

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani... <sup>86</sup>

Kesimpulan dari perbincangan di atas tadi, penting bagi para murid atau salik itu untuk mendampingi para syaykh mereka. Dengan cara itu, Allah akan memberi kurnia dan mendapatkan limpahan kerohanian dan keberkatan. Para syaykh itu tergolong dalam mereka yang menghidupkan sunnah Nabi s.a.w. Dan mereka itulah juga yang mewarisi segala perjalanan hidup para Nabi sebagaimana yang dinyatakan 'ulamā' pewaris Nabi. Ciri-ciri yang ada di kalangan para syaykh itu, apabila dinisbahkan dengan perjalanan para 'ulamā' salaf al-soleh, ternyata mereka telah melalui disiplindisiplin ilmu tasawwuf atau tar qah yang menyampaikan kepada Allah Taala. Maka tidak diragui lagi, para syaykh itu tergolong dalam kalangan para al-salihin dan al-Sadiqin, dan mereka inilah yang dinyatakan oleh Allah Taala:

Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-Nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).<sup>87</sup>

## Hubungan Murid Sesama Murid

Setelah kita membincangkan hubungan sosial tariqah Ahmadiyyah antara syaykh dengan murid serta adab-adab dan segala perbahasannya, maka penulis akan membincangkan hubungan antara murid sesama murid atau persaudaraan di dalam amalan tariqah Ahmadiyyah. Syaykh Abd Samad al-Falembangi menyatakan hubungan persaudaraan murid sesama saudara-saudara atau ikhwan tariqah itu dengan katanya:

makna bersaudara dan bersahabat fi-Llah ya'ni bersaudara dan bersahabat di dalam agama Allah dan menyatakan perbezaan daripada saudara dan sahabat di dalam ahl dunia ya'ni bersahabat itu ada kalanya kerana Allah dan ada kalanya kerana dunia...<sup>88</sup>

Beliau dengan jelas menyatakan bahawa memang terdapat perbezaaan antara saudara dan sahabat. Iaitu niat seseorang samada untuk memilih Allah atau dunia di dalam persahabatannya. Dalam ilmu tariqah dan tasawwuf, apa yang dimaksudkan bersahabat dann bersaudara itu adalah sebagaimana yang diterangkan oleh beliau seterusnya:

bermula bersahabat kerana Allah Taala itu iaitu dinamakan Ikhwatun fi-Llah dan iaitu disebutkan di dalam dalil Quran dan Hadith Nabi s.a.w. dan athar daripada sahabat dan tabi en yang dahulu itu akan kelebihannya itu dan makna bersahabat dan bersaudara itu ibarat daripada berhimpun di dalam kedudukannya di dalam kelakuannya bercampur di dalamnya dan berdekatannya serta berkasih-kasihannya... Beliau kemudian menjelaskan lagi akan maksud *ikhwatun fi-Llāh* itu sebagaimana yang dimaksudkan oleh sebahagian besar para 'ulamā' taṣawwuf dengan katanya:

bermula berhimpun itu adakalanya dengan ikhtiar dan dengan qasad seperti berhimpun di dalam berbuat ibadat dan berbuat rātib dan berhimpun kerana berbuat kebajikan dan berhimpun kerana menuntut ilmu yang memberi manfaat di dalam agama dan berhimpun kerana mendirikan agama seperti berhimpun masyaykh ahli tar iqah dengan muridnya, seperti berhimpun murid dengan taulannya (saudara-saudaranya) di dalam zawiyah atau madrasah kerana menuntut ilmu dan kerana berbuat kebajikan itu... <sup>90</sup>

Antara syarat penting dalam mempelajari tarīqah Ahmadiyyah itu ialah mestilah mempunyai kawan. Peranan kawan atau saudara yang dimaksudkan ini ialah apabila salah seorang daripada mereka itu lalai atau lupa, maka salah seorang akan memberi peringatan atau menegur perbuatan saudaranya itu. Ini dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)...<sup>91</sup>

Adab murid dengan saudara-saudaranya dalam tar iqah Ahmad iyyah itu ialah menjaga kehormatan mereka samada ketika mereka itu bersamanya atau tiada. Tidak boleh seseorang murid itu membuka rahsia-rahsia atau 'aib saudara-saudaranya, memperkecil-kecilkan mereka atau merendah-rendahkan sifat saudaranya yang lain. Ini sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi s.a.w.:

barangsiapa menyembunyikan 'aib saudara semuslimnya, nescaya Allah akan menutup 'aibnya pada hari qiamat, dan barangsiapa yang membukakan aurat ('aib) saudara Islamnya, nescaya Allah akan mendedahkan 'aibnya dalam rumahnya (keluarganya)...<sup>92</sup>

Murid sesama mereka hendaklah nasihat menasihati dan memberi tunjuk ajar kepada yang tidak mengetahui dan menunjukkan sebarang kesilapan yang dilakukan. Memberi perangsang kepada mereka yang lemah dan lalai dalam perjalanan mereka kepada mencapai matlamat Allah. Dalam hal menasihat atau menegur ini, para 'ulama' tasawwuf memberikan panduan dan ajaran. Terdapat tiga cara atau kaedah dalam memberi nasihat dan teguran. Pertama hendaklah murid yang melakukan kesilapan itu ditegur secara rahsia atau bersendirian tanpa diketahui di kalangan saudaranya yang lain. Ini adalah untuk mengelakkan dirinya merasa malu apabila ditegur. Malahan dikhuatiri saudaranya itu akan menjauhkan dirinya dari kalangan mereka akibat dari teguran yang tidak berhikmah. Ini di sokong oleh Imam al-Ghazali dengan katanya:

barangsiapa yang menasihati (mengajar melakukan kebaikan dari kejahatan) saudaranya secara bersembunyi sesungguhnya dia telah menghiasai nasihatnya itu dalam diri saudaranya, dan barangsiapa menasihati (mengajar) saudaranya dihadapan orang ramai sesungguhnya dia telah membuka kejahatan saudaranya ini akan merosakkan saudaranya itu... 93

Cara kedua ialah dengan cara lemah lembut, penuh rasa kasih sayang sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah dengan para sahabat. Firman Allah:

Nabi Muhammad (s.a.w.) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam)...<sup>94</sup>

Dan yang terakhir dengan cara tanpa melakukan kekerasan atau meninggikan suara. Murid yang menerima teguran atau nasihat pula disyaratkan supaya menerima nasihat tersebut. Kedua, hendaklah murid yang menerima nasihat itu sentiasa bersyukur dengan adanya peringatan yang diberikan oleh saudaranya mengingatkan akan kesalahan dan kesilapannya. Dan yang terakhir ialah, murid yang menerima nasihat itu mestilah mengikuti segala apa yang dinasihatkan kepadanya. 95

Murid dalam tariqah Ahmad iyyah juga hendaklah bersifat merendah diri dan insaf menginsafi sesama mereka dan bantu-membantu atau memberikan apa juga sumbangan pada kadar yang termampu. Barangkali ada di kalangan murid itu yang miskin atau fakir atau di dalam kesulitan. Maka saudara mereka yang lain hendaklah memberi bantuan sekadar yang termampu untuk mengurangkan bebanan saudaranya itu. Mudah-mudahan Allah akan meluaskan rahmatnya dan memberi kurnia dan limpahan dari amalan-amalannya. Allah berfirman:

(Mereka mengerjakan semuanya itu) supaya Allah membalas mereka dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka kerjakan, dan menambahi mereka lagi dari limpah kurniaNya; dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terhitung. <sup>96</sup>

Seterusnya dalam adab dan hubungan sesama murid dalam tar qah Ahmad iyyah itu hendaklah sentiasa berbaik sangka antara satu sama lain. Murid juga sentiasa menyimpan ke aiban saudaranya dan menyerahkan segala urusan mereka kepada Allah. Mungkin ada di kalangan saudara-saudara mereka itu semasa dahulunya melakukan banyak maksiat. Atau mereka ini mempunyai latarbelakang yang tidak baik. Maka hendaklah para murid itu sentiasa memandang dan berbaik sangka kepada mereka.

Jika ada di kalangan murid itu menyimpan perasaan hasad atau berburuk sangka, mereka itu perlulah memperbanyakkan *mujāhadah*nya. Kerana mereka sebenarnya melakukan pelbagai sangkaan dan tadbir yang sebenarnya mereka sendiri tidak ketahui. Diri mereka ini sebenarnya masih tidak bersih dari sifat-sifat tercela. Allah berfirman dalam al-Qurān:

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa...<sup>97</sup>

Oleh sebab itu, syaykh dalam tar qah Ahmad iyyah mengajar murid-muridnya menanam sifat islah al-dhamair dengan menanamkan sifat ikhlas benar dan tama ninah hanya kepada Allah semata-mata. Setiap kelemahan dan kekurangan manusia itu hanyalah di bawah urusan Allah sahaja. Orang yang melakukan dosa itu bukanlah bererti mereka itu akan berkekalan dalam dosanya dan mereka yang melakukan amalan baik itu bukanlah menjadi satu jaminan syurga kepadanya.

Dalam ilmu tasawwuf diajarkan bahawa setiap amalan dan perbuatan manusia itu adalah kehendak Allah semata-mata. Segala balasan baik dan buruk itu adalah ketentuan dari Allah sahaja. Hal ini ada dinyatakan dalam al-Quran :

Sesiapa yang beroleh hidayah petunjuk (menurut panduan Al-Qurān), maka sesungguhnya faedah petunjuk yang didapatinya itu hanya terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat maka sesungguhnya kesan buruk kesesatannya hanya ditanggung oleh dirinya juga. Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja). Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah)...<sup>99</sup>

Ibn 'Ataillah dalam kitab *Hikam* menyatakan sifat mereka yang masih bergantung kepada amalan-amalan yang mereka lakukan. Kata beliau:

di antara tanda-tanda (orang) yang bergantung pada amalan-amalan (yang dilakukannya) ialah kurangnya sifat raja' ketika berlakunya kegelinciran (maksiat)... 100

Seterusnya murid itu janganlah menjadi orang yang memarakkan perselisihan atau perbalahan di kalangan saudara-saudaranya. Malahan hendaklah ia menjadi orang yang membawa kebaikan dengan penyelesaian di antara kedua-dua orang yang berbalah tersebut. Murid di dalam tar qah Ahmad yyah, tidak boleh mengambil sebarang tindakan atau mendahului syaykhnya dalam menyelesaikan sebarang perselisihan dan perbalahan antara murid itu sendiri. Melainkan syaykhnya itu memutuskan sendiri

supaya beliau atau wakilnya mengambil tindakan dan menyelesaikan masalah tersebut.

Jika syaykhnya itu sudah tiada maka, pengganti kepada syaykh tersebut adalah orang yang layak menangani masalah tersebut.

Pernah berlaku dalam kepimpinan tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan, perselisihan sesama ikhwan tariqah Ahmadiyyah berhubung dengan masalah kepimpinan dalam tariqah Ahmadiyyah. Selepas kematian Syaykh Abdullah, beberapa pihak dalam kalangan keluarga tariqah Ahmadiyyah 101 mempersoalkan kepimpinan Syaykh Ahmad. Keadaan ini berlarutan sehingga akhirnya Syaykh Ahmad mengambil jalan berbincang dengan cara memanggil dan bersemuka sendiri dengan mereka. Tindakan belaiau adalah untuk mengelakkan berlakunya fitnah terhadap perjalanan tariqah Ahmadiyyah itu sendiri.

Sehubungan dengan perkara itu beliau menyatakan kepada kumpulan *ikhwān* tarīqah Ahmad iyyah ini melalui surat terbuka beliau antaranya pernyataannya ialah :

menjauhkan fitnah terhadap perjalanan al-tar'iqah al-Ahmad iyyah dan terhadap al-Sayduna al-Kiram dan terhadap Tuan Guru kita (Syaykh Abdullah) adalah lebih utama daripada membuat perkara-perkara yang boleh dengan sebabnya tercacat perjalanan al-Sayduna al-Kiram kerana ini, maka adalah tuan dan jamaah tuan dinasihatkan supaya mengambil berat dengan pengetahuan agama mengikut sebagaimana yang diwajibkan dan beramal dan berdhikir akan Allah dengan cara yang bersih dan sunyi daripada ria' dan sum'ah.

Murid hendaklah mempertahankan saudara-saudaranya apabila disakiti atau di ganggu kehormatan mereka. Begitulah juga murid hendaklah membantu saudaranya apabila mereka itu ditimpa kemalangan atau sebarang musibah. Perkara ini sememangnya telah disarankan oleh Allah dalam al-Quran dan juga Sunnah Nabi s.a.w. Nabi s.a.w. bersabda:

Dari Abi al-Darda' r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda, Barangsiapa yang mempertahankan kehormatan saudaranya yang muslim nescaya Allah pasti akan menolak atau menahan dirinya daripada neraka Jahannam pada hari Qiamat... <sup>103</sup>

Di dalam ilmu tasawwuf murid ditekankan untuk mengamalkan perintah ini, dengan menjadikan ianya sebagai salah satu daripada disiplin adab-adab persaudaraan dalam Islam dan amalan tariqah nya. Memanglah amat berbeza konsep mengetahui sahaja dengan mengamalkannya. Kebanyakan umat Islam pada masa sekarang hanya mudah menyarankan itu dan ini, hakikatnya mereka sendiri tidak tahu, apatah lagi mengamalkan secara langsung. Bahkan, kebanyakkan daripada mereka tidak faham hakikat persaudaraan dalam Islam.

Murid dalam tariqah Ahmad iyyah, tidak boleh meminta-minta atau menonjolkan dirinya untuk dilantik oleh syaykhnya sebagai pemimpin di kalangan

mereka. Tidak juga boleh meminta saudara-saudaranya yang lain mempersetujui beliau sebagai wakil mereka, yang terkehadapan dalam semua hal apabila berhubung dengan syaykhnya. Ini adalah kerana sifat sebenar murid itu adalah dipimpin, ditunjuk dan ditarbiyyahkan oleh syaykh bukan memimpin. Adapun disifatkan murid yang demikian semata-mata masih didorong oleh nafsunya. Mereka merasakan bahawa diri mereka itu layak sedangkan belum datang pun kepada mereka kurnia dari Allah terhadapnya.

Dalam tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan perkara seperti ini pernah berlaku apabila seorang murid dalam tariqah Ahmad iyyah bernama Lebai Ma'aruf telah memberikan *ijazah* kepada Lebai Sami'un dan melantiknya sebagai *khalifah* tariqah Ahmad iyyah di Sungai Baru, Kampong Lundang. Pemimpin tariqah Ahmad iyyah ketika itu Syaykh Ahmad dengan segera menyiasat perkara tersebut dan mengambil tindakan. Beliau terpaksa bertindak dengan segera supaya perkara ini tidak menjadi satu pelanggaran dalam *adabiyyah* tariqah Ahmad iyyah.

Murid-murid dalam tariqah Ahmad iyyah juga mestilah menjauhkan diri mereka dari sebarang tindakan yang boleh menjatuhkan maruah mereka dengan sifat-sifat tercela. Mereka ini dianggap dalam keadaan ghaflah atau lalai hatinya. Mereka juga masih di dalam perhatian syaykh yang memimpinnya. Kerana, dalam diri mereka masih ada sifat-sifat madhmumah. Peningkatan kerohanian seseorang murid hanya dengan petunjuk dan tarbiyyah dari syaykh. Allah berfirman:

Dan pohonkanlah (wahai Muhammad, dengan berdoa): Wahai Tuhanku! Masukkanlah daku ke dalam urusan agamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku daripadanya dengan cara keluar yang benar lagi mulia; dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku...<sup>105</sup>

Murid hendaklah bergaul dan berdamping dengan saudara-saudaranya yang lain dengan akhlak yang baik. Sentiasa bersikap ramah dan tidak lekas marah. Akhlak yang baik itu akan merapatkan hubungan dan rasa persaudaraan di kalangan ikhwan tar iqah Ahmad iyyah itu. Allah menunjukkan akhlak Nabi s.a.w. dalam al-Quran:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia...<sup>106</sup>

Nabi s.a.w memberi perintah kepada umat Islam seluruhnya dengan menegaskan hubungan persaudaraan sesama mukmin dengan sabdanya:

Nabi s.a.w berkata, Sesungguhnya orang yang terlebih baik di kalangan kamu ialah mereka yang baik akhlaknya... <sup>107</sup>

Murid hendaklah sentiasa memberi salam, berjabat tangan dan berkata dengan sopan dan manis sesama mereka. Bertanya khabar dan keadaan masing-masing terutama tentang amalan. Ini sebagaimana yang diperintahkan oleh Nabi s.a.w. dengan sabdanya:

Dari Abi Hurairah r.a. sese ungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Hak seorang Muslim kepada seorang muslim yang lain ada enam perkara; Beliau bertanya, "Apakah perkara itu Ya Rasulullah". Maka jawab baginda: Apabila berjumpa hendaklah memberi salam kepadanya, apabila kamu diundang hendaklah memenuhi undangan tersebut, apabila kamu meminta nasihat kepadamu, nasihatilah ia, apabila ia bersin dan memuji Allah (mengucapkan al-hamdulillah), maka jawablah dengan ucapan Yarhamu Ka-Allah (Allah merhamatimu), apabila ia sakit hendaklah engkau menjenguknya, dan apabila ia meninggal, iringilah jenazahnya... 108

Hubungan sosial dalam tar iqah Ahmad iyyah seterusnya ialah di kalangan murid-murid itu hendaklah bersifat tawadu' (merendah diri) kepada teman sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah dalam al-Quran;

dan sebaliknya hendaklah engkau merendah diri kepada orang-orang yang beriman (sekalipun mereka dari golongan fakir miskin)...<sup>109</sup>

Nabi s.a.w. sendiri mengingatkan umatnya dengan sifat tawadu' ini dalam hadith riwayat Ahmad, Al-Bazzar dan Thabrani dengan sabdanya:

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda; barangsiapa merendah diri (tawadu') kerana Allah, nescaya Allah akan mengangkat martabatnya sehingga jadilah ia sentiasa dalam keadaan mulia, dan barangsiapa yang sombong kepada Allah nescaya Allah akan meletakkannya (merendahkan martabatnya) hingga jadilah ia sehina-hinanya...<sup>110</sup>

Dalam sabda Nabi s.a.w. yang lain;

Daripada 'Iyad bin Ḥamar saudara Bani Majasya' berkata : Telah bangun Rasulullah ketika kami bersama-samanya pada satu hari sambil berkhutbah. Maka kata baginda Nabi : Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepadaku : Merendah dirilah kamu, sehingga tiada seorang pun yang membanggakan dirinya kepada yang lain, dan janganlah kamu melakukan kejahatan kepada seseorang yang lainnya...<sup>111</sup>

Dari hadith di atas dapatlah kita ambil pengajaran bahawa sifat rendah diri itu termasuk akhlak orang-orang yang baik dan sombong atau takabbur itu termasuk akhlak orang-orang jahat.

Seseorang murid dalam tariqah Ahmad'iyyah di Negeri Sembilan juga, hendaklah berusaha mencari keredhaan saudara-saudaranya dan sentiasa memandang baik terhadap apa yang mereka lakukan (husn zan). Mereka juga mestilah saling tolong menolong dalam melakukan kebajikan, Kesemua itu di lakukan atas dasar taqwa dan cintakan Allah. Contohnya memberi panduan dan tunjuk ajar kepada murid-murid yang baru dari segi kefahaman ilmu tasawwuf itu sendiri. Sementara mereka yang baru menceburi bidang ini hendaklah menghormati mereka yang telah dilantik oleh syaykhnya untuk membimbing. Dan juga belajar dari saudara-saudaranya yang lebih tua jika murid itu masih kecil lagi atau masih baharu berjinak-jinak dengan ilmu tasawwuf atau tariqah Sabda Nabi s.a.w. berhubung dengan hal ini:

Rasulullah s.a.w. bersabda: Apabila Allah mengkehendaki kebaikan pada seseorang raja, dijadikannya seorang wazīr (menteri) yang jujur (benar) untuknya. Jika baginda lupa, diingatkannya, dibantunya. Dan apabila Allah mengkehendaki tidak demikian (sebaliknya), maka dijadikannya (seorang menteri yang jahat untuknya), jika raja lupa tidak diingatkannya, dan jika ingat tidak dibantunya...<sup>112</sup>

Murid yang beradab juga adalah mereka yang sentiasa menerima kemaafan apabila saudara-saudaranya meminta maaf, meskipun dia itu berdusta. Sebab orang yang merelakan atau meminta kemaafan itu pada lahirnya, meskipun pada batinnya membenci, sesungguhnya dia itu telah mematuhi seseorang sahabat dalam adabnya. Ini

dilihat pada sudut dia tidak menyebarkan fitnah atau melakukan pendustaan terhadap saudaranya. Mungkin ini bersesuaian dengan sabda Nabi s.a.w.

Rasulullah s.a.w. bersabda : Bukanlah pendusta orang yang mendamaikan antara kedua manusia, lalu dikembangkannya kebaikan dan diucapkannya dengan perkataan yang baik-baik... 113

Murid dalam tar qah Ahmad iyyah juga tidak boleh menempelak saudaranya yang memohon kemaafan. Beliau mesti memaafkan dan hendaklah ia bersabar. Jika ia mendapati kesemuanya itu adalah amat baik dilakukannya daripada terputus maka baiklah murid itu mendiamkan sahaja. Dan hendaklah diberi nasihat kepada saudaranya secara sembunyi daripada terang-terangan, lemah-lembut daripada berkeras, bahasa kinayah lebih baik dari bahasa sarih, dan melalui surat lebih baik dari menyampaikan dengan kata-kata.

Murid tariqah Ahmad iyyah juga hendaklah memberikan ruang kepada saudaranya yang terlewat ke majlis-majlis syaykhnya, terutama dalam majlis ta'lim. Dengan berbuat demikian mudah-mudah Allah akan memberi rahmat kepada mereka dan melapangkan baginya menerima ta'lim yang disampaikan oleh syaykhnya itu atau perkara-perkara yang seumpamanya. Melapangkan ruang bagi seseorang dalam majlis itu sememangnya sudah thabit dalam hadis Nabi s.a.w. dengan sabdanya;

Dari Abi Hurairah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda : Tidak bangun seorang lelaki untuk seorang lelaki yang lain daripada sesuatu majlis melainkan untuk memberi lapang (ruang), nescaya Allah akan memberi kelapangan kepada mereka semua...<sup>114</sup>

Di dalam al-Quran juga Allah menerangkan dengan firmannya:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan... 115

Seterusnya murid juga digalakkan berkenal-kenalan sesama mereka dengan lebih teratur sebagaimana yang diajarkan oleh baginda Nabi s.a.w. dalam sabdanya :

Dari al-Miqdam bin Ma'di Karb berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: Apabila salah seorang kamu mengasihi saudaranya maka hendaklah ia mengajarinya dan sentiasa memberi peringatan kepadanya... 116

Sebahagian 'ulamā' taṣawwuf menyatakan bahawa yang terlebih baik dalam pergaulan murid sesama saudaranya ialah dengan bertanyakan namanya dan nama ayahnya. Ini akan lebih menambahkan keakrabannya dalam persahabatan. Murid juga mestilah mengambil berat tentang keadaan saudaranya dengan menjaga hak miliknya atau keperluannya semasa ketiadaannya. Menziarahinya apabila mereka itu uzur dan menguruskan keperluan saudaranya yang kematian. Ini sebagaimana yang dinyatakan baginda Nabi s.a.w.oleh al-Baihāqi dalam sanadnya:

bila anda bersahabat dengan seseorang tanyalah namanya dan nama bapanya, jika ia tiada ditempat(ghaib), anda menjaganya, jika ia sakit anda menjenguknya dan jika ia meninggal anda memberi persaksiannya (mengiringi jenazahnya)...<sup>117</sup>

Murid-murid dalam tariqah Ahmadiyyah sentiasa menjaga janji-janjinya dan menunaikan atau memenuhi tuntutan tersebut. Dalam ilmu tasawwuf diajarkan bahawa orang yang berjanji itu sebenarnya menanggung hutang selagimana hutang itu belum dijelaskannya maka begitu jugalah dengan janji-janji murid itu sesama saudaranya mesti ditunaikan .Mereka yang memungkiri janji, adalah sebahagian daripada ciri-ciri natijah yang nyata dalam dirinya. Maka ini bererti murid atau salik yang benar-benar ingin

bersih hatinya, perlu menjauhi sifat-sifat *nifaq* dalam dirinya. Sebahagian tanda-tanda orang *nafijah* itu telah dinyatakan oleh baginda Nabi s.a.w dengan sabdanya:

Dari Abi Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda : Tanda-tanda munafiq itu ada tiga, apabila ia berkata ia dusta, apabila ia berjanji ia mengkhianatinya dan apabila ia diberi amanah ia mengkhianatinya...<sup>118</sup>

Murid-murid juga di ajarkan oleh syaykh tar qah Ahmad yyah di Negeri Sembilan supaya tidak campurtangan dalam sesuatu yang bukan urusannya. Atau mempunyai tujuan-tujuan keduniaan dalam persahabatan tersebut, seumpama memintaminta pertolongannya sepanjang masa samada hartanya, tenaganya dan lainnya. Tujuan sebenar murid menjaga hubungan dengan saudara-saudara adalah hanya kerana Allah dan menunaikan segala hak dalam hubungan tersebut.

## Khalifah/Wakil Syaykh Dalam Tariqah

Selain dari hubungan murid dengan syaykh dan murid dengan saudara ikhwan dalam tariqah Ahmad iyyah, terdapat juga hubungan seseorang murid itu dengan khalifah-khalifah syaykh atau wakil-wakil syaykh. Biasanya dalam tariqah Ahmad iyyah, seseorang syaykh itu mempunyai lebih dari seorang murid-murid kanannya.

Mereka ini adalah murid yang diberi kepercayaan oleh syaykh untuk menjalankan amanah yang diberikan oleh syaykhnya. Kedudukan mereka ini adalah dianggap sebagai pembantu kepada syaykh dalam menyebarkan lagi ajaran dalam ilmu tar iqah.

Konsep khālifah atau pembantu ini sebenarnya adalah berdasarkan daripada apa yang pernah berlaku di zaman Nabi s.a.w. Malahan kewujudan pembantu-pembantu para Nabi dan Rasul terdahulu itu adalah thabit dalam syarī'at perjalanan mereka. Malahan Allah telah menjanjikan di kalangan para Nabi dan Rasul itu akan dibantu orang umatnya yang sentiasa mentaati segala ajaran yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul.

Mereka juga disebut sebagai penolong, penyokong atau pembela-pembela agama Allah. Pembantu-pembantu para Nabi itu terdiri dari sekumpulan umatnya atau individu-individu khusus yang biasanya disebut dalam al-Quran, dan digelar dengan pelbagai gelaran. Pembantu Nabi Isa a.s. misalnya digelar al-Hawariyyun di dalam al-Quran. Firman Allah Ta'ala:

يا أيها الذين آمنوا كونوا أنصار الله كما قال عيسى ابن مريم للحواريين من أنصاري إلى الله قال قال الحواريون من أنصار الله فأمنت طائفة من بني إسرائيل وكفرت طائفة فأيدنا الذين آمنوا على عدوهم فأصحوا ظاهرين

Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembelapembela (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isā ibni Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokongpenyokongnya itu: Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)? Mereka menjawab: Kamilah pembela-pembela (agama) Allah! (Setelah Nabi Isa tidak berada di antara mereka) maka sepuak dari kaum Bani Israil beriman, dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya, maka menjadilah mereka orang-orang yang menang... 119

Hubungan dan adabiyyah di kalangan murid dengan wakil atau khalifah tar iqah Ahmad iyyah itu adalah sebagaimana adab mereka dengan murid yang lain. Mereka juga bergaul dengan penuh rasa hormat dan mengikuti arahan para wakil syaykh itu sebagaimana mereka menerima arahan daripada syaykhnya. Segala teguran-teguran para wakil yang terzahir itu sebenarnya adalah daripada apa yang tersirat dan kehendak sebenar daripada syaykhnya itu.

Walaupun kadangkala wakil-wakil syaykhnya itu adalah lebih muda dari segi usia. Tetapi hendaklah mereka itu ditaati perintahnya selagi tidak berlawanan dengan arahan syaykhnya dalam tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Di dalam sirah Nabi s.a.w telah berlaku pengangkatan kepada seorang pemuda untuk memimpin para sahabat yang lebih tua umurnya. Peristiwa ini berlaku pada tahun ke 11 Hijrah. Usamah bin Zaid telah dilantik oleh baginda Nabi s.a.w. sebagai panglima perang memimpin angkatan tentera Islam untuk memerangi musuh yang ada di luar Kota Madinah iaitu di sempadan antara kerajaan Rom dan Islam. Usamah ketika itu berumur sekitar tujuh belas atau lapan belas tahun. Selepas mengeluarkan arahan tersebut, baginda Nabi s.a.w. telah jatuh gering yang membawa kepada kewafatan baginda. Maka gerakan ini telah terhenti akibat kewafatan baginda s.a.w. tersebut.

Setelah Saidina Abu Bakar r.a. dilantik menjadi *Khalifah* Islam yang pertama, gerakan ini diteruskan kembali walaupun sebilangan sahabat pada awalnya enggan berada dibawah arahan dan kepimpinan Usamah. Akhirnya Abu Bakar sendiri mengarahkan gerakan tentera yang dipimpin oleh Usamah mesti diteruskan. Kesemua mereka yang dulunya telah diarahkan oleh baginda Nabi s.a.w. supaya bersama-sama berada di bawah kepimpinan Usamah hendaklah menyertai angkatan tersebut.

Tidak ada sesiapapun yang boleh merubah arahan Nabi s.a.w. Di bawah kepimpinan Usamah akhirnya, ikut serta sebahagian besar para sahabat Nabi s.a.w. sekali pun mereka lebih tua umurnya dari Usamah. Ini adalah kerana taat dengan arahan Nabi s.a.w. Sekali pun baginda sudah wafat. Allah berfirman:

Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)... 120

Para pembantu baginda Nabi s.a.w. juga dikenali sebagai al-Muhajirin dan al-Ansar. Sebagaimana yang diterangkan dalam ayat di bawah ini:

Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang Muhājirin dan Ansār, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar. 121

Dalil-dalil dia atas adalah mengharuskan mentaati arahan- arahan dan amanah yang ditinggalkan oleh syaykh atau guru dalam tar qah Ahmad iyyah. Ini bermaksud bahawa segala arahan yang ditinggalkan oleh syaykh itu adalah mesti di ikuti. Sebab itulah para syaykh dalam tar qah Ahmad iyyah seperti Sayyidi Ahmad bin Idris misalnya mengatakan:

Aku gurumu semasa aku hidup dan mati<sup>122</sup>

Maksud Sayyidi Ahmad bin Idris r.a. ialah sekali pun beliau sudah wafat namun pertalian di antara guru-guru yang sudah wafat dengan murid-muridnya yang masih hidup tetap ada. Dalam al-Quran Allah berfirman:

وعد الله الذين آمنوا منكم وعملوا الصالحات ليستخلفنهم في الأرض كما استخلف الذين من قبلهم وليمكنن لهم دينهم الني ارتضى لهم وليبدلنهم من بعد خوفهم أمنا يعبدونني لايشركون بي شيئا ومن كفر بعد ذلك فاولنك هم الفاسقون

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka. 123

Kesimpulannya daripada apa yang telah dibentangkan tadi, adalah jelas bahawa hubungan antara murid dengan saudara-saudaranya dalam ilmu tasawwuf dan amalan-amalan tariqah itu adalah mempunyai adab-adab dan haknya masing-masing. Dan hubungan ini semata-mata didasarkan kepada kecintaan kepada Allah. Maka hubungan persaudaraan orang-orang yang saleh dan mukmin yang takutkan Allah, akan beroleh keberkatan dan syafdat dari Allah dan Rasulnya. Sehingga para 'ulama' pernah menukilkan:

banyakkanlah oleh mu saudara-saudara (dalam mencintai Allah) kerana sesungguhnya tiap-tiap orang mu'min itu mempunyai syafa'at (di akhirat), maka bersegeralah kamu masuk ke dalam syafaat saudara-saudaramu...<sup>124</sup>

Sebahagian besar para ahli tasawwuf dan syaykh tar qah menjaga akan adab pergaulan sesama murid, murid dengan guru dan di kalangan mereka. Ini adalah

sebagaimana tuntutan dari menghidupkan sunnah Nabi s.a.w. Dan jika kita tinjau lebih jauh lagi, sememangnya amalan berdampingan dan pergaulan yang dianjurkan dalam tariqah -tariqah sufiyyah khususnya tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan ini adalah berdasarkan kepada keterangan dari al-Quran dan Sunnah Nabi sa.w., athar para sahabat, tabi in dan 'ulama' salaf al-saleh.

Golongan ahli-ahli tasawwuf yakin, dengan melalui jalan (tasawwuf dan tariqah) ini sahajalah murid akan memperolehi kurnia daripada Allah dan mengharapkan keredhaannya semata-mata. Ini di gambarkan oleh sebahagian besar para 'ulama' tasawwuf terhadap hubungan dan ikatan persaudaraan ini dengan kata-kata mereka:

Apabila Allah mengkehendaki kepada seseorang murid itu satu kebaikan , maka dia (Allah) meletakkannya (berdampingan) dengan ahli sufi, dan menghalangnya daripada bersahabat dengan ahli fuqaha, kerana sesungguhnya ahli sufi itu menyuruh (mendidik) mereka itu untuk membaiki hatinya sedangkan para fuqaha' itu menyuruh membaiki lidahnya, dan amat nyata (ketara) perbezaan antara kedua maqam ini...

## Dakwah Dalam Bidang Ekonomi

Persoalan ekonomi bukanlah satu persoalan yang baru dalam sejarah perkembangan tariqah Ahmadiyyah. Ini adalah kerana kegiatan ekonomi merupakan sebahagian dari asas kehidupan dalam Islam. Maka dengan itu perkembangan dakwah tariqah Ahmadiyyah tidak lari dari persoalan ini. Dalam al-Quran sendiri ada menjelaskan kisah Nabi Allah Yūsuf dalam urusan yang dikenali sekarang sebagai ekonomi (iqtisad). Firman Allah dalam al-Quran:

Berkata (Nabi Yūsuf) : Jadikan Aku pengurus perbendaharaan Negara (Mesir), sesungguhnya Aku adalah orang yang pandai menjaga lagi berpengetahuan 126

Menurut beberapa pengkaji ekonomi Islam, apa yang dimaksudkan ekonomi Islam adalah sains sosial yang mengkaji masalah-masalah ekonomi satu golongan masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai Islam. Ekonomi Islam juga ialah apa yang dikatakan kajian tentang manusia - sebagai individu sosial yang beriman dengan nilai-nilai kehidupan Islam yang mempunyai batasan-batasan moral yang seiring dengan Al-Ouran dan Sunnah. Ini bertepatan dengan saranan dalam al-Quran:

Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat dibumi dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu. 127

Ekonomi Islam juga adalah dikatakan satu sistem yang mesti merangkumi di dalamnya unsur-unsur kebajikan melalui penyelarasan aktiviti-aktiviti kewangan dan perbelanjaannya. Ini kerana dari sinilah akan terbitnya kemakmuran, mengelak kebakhilan dan kerugian. Aktiviti ekonomi yang tidak menghasilkan kebajikan akan ditolak dalam prinsip-prinsip ekonomi Islam. Apa yang penting ialah konsep kebajikan tersebut mestilah selaras dengan dasar-dasar Islam tanpa menolak faktor-faktor lain seperti sosial, politik, etika dan moral. Apa yang lebih penting ialah sumber-sumber hukum dalam perekonomian Islam itu ialah, apa yang disandarkan dalam al-Qurān, Sunnah, Ijmā, Qiās dan Ijtihād. 128

Dalam Islam hubungan kehidupan di dunia dan akhirat ada hubung kaitnya. Kehidupan di dunia merupakan perjalanan menuju ke akhirat. Maka untuk mencapai kedua-duanya ini perlu kepada keseimbangan sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran:

Dan carilah pada apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu negeri akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu melakukan kerosakan di atas muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melakukan kerosakan. 129

## Penglibatan Ikhwan Dalam Bidang Ekonomi

Dalam bahagian ini penulis akan membincangkan tentang kegiatan-kegiatan atau aktiviti ekonomi dalam tariqah Ahmad iyyah. Penglibatan ikhwān tariqah dalam bidang ekonomi yang dimaksudkan ialah segala aktiviti kehidupan yang mempunyai kaitan dengannya. Jika dibandingkan dengan keluarga besar Usrah Dandarāwiyyah di Mesir, atau gerakan tariqah Ahmad iyyah pimpinan Abna' al-Ja'afari di Mesir dan Sudan, penulis membuat kesimpulan ringkas bahawa organisasi mereka adalah terlalu besar dengan apa yang terdapat di kalangan keluarga tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Kejayaan kedua-dua organisasi ini dari segi ekonomi adalah kerana kejayaannya mendirikan organisasi sosial masyarakat di kalangan para pengamal tariqah Ahmad iyyah sendiri. Beliau pernah menegaskan bahawa tugas-tugas kebajikan bagi kepentingan sosial dan masyarakat adalah satu kegiatan yang lebih baik untuk menjaga hal ehwal dan memajukan pemikiran al-Dandarāwi yang sedang berkembang sebagaimana yang diterimanya sejak dari bapanya Abū 'Abbās. 130

Pemimpin *Usrah Dandarāwiyyah*, <sup>131</sup>menyatakan bahawa untuk mentadbir segala perjalanan Islam samada harta benda, kehidupan, kesejahteraan agama dan akhirat, perlu kepada ilmu pengetahuan. Maka berlandaskan inilah pemimpin *Usrah al-Dandarāwiyyah* telah berjaya merealisasikan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang Islam seperti perekonomian dalam Islam.

Abū Faḍ sebagai contoh melibatkan dirinya dengan perusahaan pengeluaran minyak mentah dalam politik ekonomi terbuka di Mesir semasa pemerintahan Anwar Sadat pada tahun 1973M. Sehinggalah beliau akhirnya terkenal sebagai pengusaha dan saudagar minyak yang mempunyai modal berjuta-juta ringgit. Dengan jumlah keluarga al-Dandarāwi seramai empat juta orang tersebut, beliau telah membelanjakan keuntungan perusahaan minyaknya untuk menampung perbelanjaan dalam setiap perayaan Maulūd Nabi dan Isrā' Mi'rāj. Begitu juga dengan perayaan lazim yang diadakan dengan penyertaan ratusan ribu pengikut Usrah Dandarāwiyyah seluruh daerah Islam di dunia Arab, Afrika dan Asia Tenggara. 132

Menurut Hamdan Hassan, perayaan dua kali setahun ini melibatkan seluruh keluarga besar al-Dandarāwi. Para pemimpin-pemimpin memberikan kerjasama samada berupa tenaga, wang ringgit, binatang ternakan dan lain-lainnya untuk menjayakan sambutan perayaan tersebut yang memakan masa antara empat ke lima hari. Antara agenda penting lazimnya dalam majlis ini ialah majlis bacaan ayat-ayat suci al-Qurān, lagu-lagu Qasīdah, perarakan berkuda, perlumbaan kuda, pertandingan

seni mempertahankan diri dan sebagainya. 133 Memandangkan suasana ini tentulah memerlukan sumber ekonomi yang banyak untuk melaksanakan perayaan atau sambutan yang menjadi salah satu agenda dalam aktiviti pengamal tar qah. Inilah gambaran secara ringkas bagaimana aktiviti ekonomi yang diamalkan oleh keluarga al-Dandar awiyyah.

Suasana ini mungkin tidak sama dengan apa yang berlaku dalam aktiviti perekonomian dalam tar qah Ahmad iyyah di Asia Tenggara dan di Negeri Sembilan khususnya. Apa yang jelasnya, organisasi dalam tar qah Ahmad iyyah mungkin tidak mempunyai stuktur yang berbeza dengan *Usrah Dandar awiyyah* atau tar qah Ahmad iyyah al-Ja afariyyah. Maksud penulis di sini ialah jika dikaitkan dengan tujuan-tujuan ekonomi mungkin tidak nampak dengan jelas.

Berdasarkan kepada tujuan-tujuan dakwah dalam tariqah Ahmadiyyah ialah untuk melaksanakan segala perintah Allah dalam kehidupan. Apa yang dapat dijelaskan ialah suasana ekonomi yang dilihat adalah terjadi secara tidak langsung. Contohnya dalam satu sambutan perayaan atau majlis haul di mana seluruh ikhwan tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan akan berkumpul seperti lazimnya. Untuk menjayakan majlis tersebut memerlukan biaya kewangan yang agak banyak. Namun begitu beberapa individu atas dasar tanggungjawab dan keperihatinan mereka akan menyumbangkan bantuan dalam bentuk kewangan atau material.

Oleh kerana kumpulan tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan adalah lebih bersifat gerakan dakwah Islamiyyah, maka tentulah tiada satu pengurusan yang tetap untuk menguruskan belanjawan atau sumber kewangan dalam aktiviti-aktiviti tariqat. Perkara ini diakui oleh salah seorang pemimpin tariqah sendiri yang menyatakan bahawa tiadanya satu organisasi mantap yang benar-benar boleh menguruskan perjalanan kewangan dalam tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan. Jelasnya, tiada satu badan atau jawatankuasa atau biro khas untuk menguruskan segala aktiviti dalam tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan.

Contoh yang lain ialah dalam sambutan majlis haul dan dhikir yang menjadi majlis tahunan baru-baru ini tidak ada jawatankuasa yang dibentuk untuk mengendalikan secara sistematik majlis tersebut. Menurut Dato' Mufti Syaykh Murtadha, beliau sendiri terpaksa mengambil beberapa inisiatif dengan menghubungi keluarga ikhwan tariqah Ahmadiyyah, mengeluarkan perbelanjaan, menguruskan penempatan dan mengendalikan sendiri majlis tersebut.

Penulis mendapat gambaran, bahawa dalam setiap kali majlis seperti ini berlangsung, maka sebahagian besar dari *ikhwan* tariqah Ahmadiyyah bersedia menghulurkan pelbagai bantuan samada wang ringgit, beras, binatang ternakan dan lainnya. Mereka ini akan menyalurkan secara terus atau secara tidak langsung samada

sebelum atau selepas majlis berlangsung. Biasanya seluruh keluarga ikhwān tar iqah terutama keluarga Syaykh Ahmad akan terlibat dalam mengendalikan majlis ini sehingga tamat. 135

Selain dari itu sebahagian dari *ikhwān* tarīqah Ahmad īyyah di Negeri Sembilan melibatkan diri dalam bidang perniagaan seperti kedai-kedai runcit, mini supermarket, kedai-kedai makan, berniaga sendiri dan perusahaan seperti bengkel kimpalan, bengkel kereta, stesyen minyak dan lain-lain. 136 Mereka ini menjalankan kegiatan ini seperti juga orang-orang kebanyakkan. Apa yang lebih membanggakan ialah keterlibatan mereka dalam majlis kuliah-kuliah agama serta majlis-majlis *dhikir*. Amalan *dhikir* harian juga menjadi satu rutin bagi mereka. Apa yang dapat difahami ialah kalangan *ikhwān* tariqah ini walaupun sibuk dengan apa yang disifat sebagai urusan keduniaan, mereka tidak mengabaikan perintah agama khususnya amalan *dhikir*. Ini bersesuaian dengan ajaran Islam yang tidak membenarkan umatnya menumpukan perhatian kepada keduniaan semata-mata. Malahan menjadikan akhirat sebagai matlamat. Allah berfirman dalam al-Quran:

Dan ada di antara mereka itu yang berdoa, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab api neraka. 137

Sayyidi Ahmad bin Idris r.a. pernah memberi jaminan bahawa murid-muridnya tidak akan di lalaikan dengan perkara-perkara keduniaan dengan katanya:

Sesungguhnya anak-anakku (murid-murid tariqah Ahmad iyyah) selamat daripada segala fitnah akhir zaman, iaitu termasuklah huru hara maksiat dan sikap mengasihi dunia yang sedang mempengaruhi hati murani manusia pada masa ini. 138

Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap yang merangkumi segala aspek kehidupan, berbeza daripada agama-agama lain dari segi menangani masalah ekonomi yang merupakan satu aspek daripada sistem kehidupan yang menyeluruh. Islam mempunyai nilai yang berbeza dari segi menentukan kelakuan ekonomi. Oleh sebab Islam bererti tunduk dan menyerah diri kepada Allah, maka kegiatan ekonomi dalam Islam juga dalam konteks penyerahan diri kepada Allah. Apabila menjalani hidup berekonomi, umat Islam wajib mematuhi syari'at Allah dalam bentuk amal, I'tiqad dan akhlak. Disamping amalan dan keyakinan Islam melengkapkan lagi sistem ekonominya dengan ciri akhlak seperti sifat-sifat ihsan, ikhlas, syukur, sabar, amanah,jujur, taqwa, redha dan lain-lainnya. Kesemuanya ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa ajaran-ajaran tasawwuf yang kadang-kadang dikenali dengan ilmu adab dan akhlak.

Sumber kewangan dalam kumpulan tar iqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan bukanlah secara tetap. Ini adalah kerana ia bukanlah satu organisasi yang mempunyai

sistem kewangan sendiri sebagaimana organisasi lain seperti badan dakwah PERKIM, PUM, YADIM, YPEIM, badan-badan pertubuhan sosial atau kesatuan sekerja yang mempunyai sumber tetap melalui kutipan yuran keahliannya. Malahan jauh sekali daripada itu. Amalan kewangan dan aliran keluar masuk wang adalah berdasarkan kepada keperluan sahaja. Khususnya dalam menganjurkan majlis-majlis haul, perayaan-perayaan atau sambutan hari-hari kebesaran Islam yang melibatkan kumpulan *ikhwan* tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan sahaja.

Sebagai satu kumpulan dakwah kerohanian, maka konsep yang ditekanlah ialah muamalah yang bersifat bantu membantu atas dasar ketaqwaan. Golongan yang mempunyai sumber kewangan yang mantap membantu mereka yang memerlukan. Bagaimanapun pemberian bersifat hadiah kepada guru-guru agama adalah sesuatu yang dipandang tinggi di kalangan masyarakat Melayu. Orang 'alim atau soleh apatah lagi guru-guru dalam ilmu tar qah sering kali mendapat hadiah atau buah tangan dari murid-muridnya. Maksud penulis ialah pemberian hadiah samada wang ringgit, keperluan harian dan lain-lainnya sebagai tanda hormat dan memuliakan. Walaupun para syaykh tar qah atau golongan sufi ini tidak sekali memandang harta atau pemberian hadiah dari masyarakat sekeliling kepada mereka. Namun pemberian murid-murid ini adalah sebagai tanda kasih kepada syaykh mereka.

Contoh yang paling mudah sekali ialah apa yang berlaku kepada Syaykh Abdul Wahab Rokan seorang syaykh tariqah Naqsyabandiyyah. Beliau seringkali menerima

hadiah berupa wang, keperluan harian, makanan dan pelbagai kurnia yang lain dari Sultan Langkat. Ke mana sahaja beliau pergi samada menziarahi anak-anak muridnya diseluruh pelusuk daerah, maka beliau akan dibekalkan dengan pelbagai hadiah dalam perjalanan pulangnya. 139

Hal yang sama berlaku juga kepada para syaykh tar qah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Selalunya, selesai sahaja mereka memberi kuliah atau hendak berangkat pulang ada di kalangan muridnya yang menghulurkan hadiah seperti kain, duit dan sebagainya. Rezeki bagi mereka ini seolah-olah ada di mana-mana sahaja. Begitu juga dengan orang ramai yang menziarahi beliau samaada ingin menyelesaikan masalah, meminta berkat doa, nasihat dan lain-lain tujuan, biasanya mereka meninggalkan wang sebagai tanda hadiah atau terima kasih. Pemberian ini adalah bersifat kasih sayang di mana tanda penghargaan.

Namun begitu kebanyakkan guru-guru yang memimpin tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan, biasanya akan mengumpulkan wang pemberian murid atau orang yang menziarahinya itu dan menggunakannya untuk menjamu setiap orang yang datang menziarahinya. Selain dari itu jika ada lebihan wang tersebut, akan digunakan untuk memberi makan orang-orang yang datang mendengar kuliah atau menghadiri majlis dhikir atau haul yang diadakan. Ini bererti, pemberian berupa wang tersebut kembali digunakan oleh orang ramai. Kadang-kadang beliau akan memberi kepada golongan fakir miskin yang dijumpainya atau mereka yang datang mengadu kesempitan wang

kepadanya. 140 Amalan guru-guru yang memimpin tar iqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan ini adalah sebagai satu sifat yang mulia sebagai mana yang dinyatakan dalam al-Ouran:

dan hendaklah kau tolong menolong dalam mengerjakan pekerjaan yang baik dan jangan kamu bantu membantu dalam mengerjakan dosa dan melanggar hukum, dan takutlah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah itu amat pedih siksanya.<sup>141</sup>

Nabi s.a.w. bersabda:

Daripada Hakim bin Hadham r.a. dari Nabi s.a.w. sabdanya: Tangan yang di atas (memberi) lebih baik dari tangan yang dibawah (menerima) dan mulailah dengan orang yang kamu beri nafkahnya iaitu yang menjadi tanggunganmu, barangsiapa yang memohon terpelihara, maka Allah akan memeliharanya dan barangsiapa yang memohon kecukupan, maka Allah akan memberinya kecukupan padanya.

Bagaimanapun, penggunaan wang ringgit atau perbelanjaan dalam organisasi tar iqah ini tidak terbatas kepada perbelanjaan seperti yang dinyatakan seperti di atas sahaja. Malahan ia di gunakan untuk menampung perbelanjaan pengajian yang didirikan oleh para syaykh Ahmad iyyah di Negeri Sembilan. Maka dengan itu

aktiviti dalam tariqah Ahmad iyyah adalah bertambah dari masa kesemasa. Antara perbelanjaan yang digunakan untuk menyelenggarakan madrasah ini ialah perbelanjaan membina dan memperbaiki madrasah. Pertambahan para pelajar yang mendirikan pondok-pondok juga dikatakan memerlukan perbelanjaan. Walaupun biasanya mereka mendirikan sendiri namun begitu dikatakan orang-ramai juga memberi sumbangan untuk membina pondok-pondok bagi para pelajar yang belajar di sana.

Dari beberapa keterangan ringkas di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sumber kewangan dalam tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan adalah daripada para pengikutnya sendiri. Sumbangan kewangan dan juga keperluan untuk menjalankan aktiviti atau kegiatan adalah dari kalangan ikhwan tariqah sendiri. Ini kerana dalam kegiatan tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan, apa yang penting ialah amalan ibadat seharian yang berdasarkan konsep tauhid dan hakikat kehidupan.

Konsep pengabdian kepada Allah bukanlah didasarkan kepada material atau maddiyyah semata-mata. Ianya tidak lebih sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah. Maka dapatlah kita katakan bahawa perjalanan organisasi tar qah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan itu tidak mementingkan wang ringgit. Akan tetapi amalan perekonomian tidak ditolak secara total. Mencari kemewahan bukanlah sesuatu yang dilarang dalam Islam. Tetapi keseimbangan yang dituntut itu mestilah bersandarkan kepada amalan Nabi s.a.w. Mencari rezeki dan mengumpulkan kekayaan dan

kemewahan mestilah diseimbangkan dengan cara mana pendapatan itu diperolehi, konsep syukur, berpada, menginfaqkan kekayaan dan sebagainya. Firman Allah di dalam al-Quran:

Allah melenyapkan keberkatan harta yang diperolehi dari riba dan menambah-nambah pahala sedekah dan Allah tidak menyukai orang yang enggan berterima kasih lagi berbuat dosa. Sungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih dan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, maka mereka itulah yang memperolehi pahala disisi tuhan mereka. Dan mereka itu tidak takut dan tidak pula bersedih hati sebab khuatir mendapat siksa Allah. 144

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

Hai orang-orang yang beriman nafkahkanlah sebahagian dari apa-apa yang kamu hasilkan dari apa-apa yang baik dan dari apa yang kami (Allah) keluarkan dari bumi untuk kepentingan kamu semua. Janganlah kamu semua pilihkan yang buruk-buruk di antara apa yang kamu semua nafkahkan itu, sedangkan kamu semua sendiri enggan mengambilnya kalau umpama barang-barang itu diberikan kepadamu oleh orang lain melainkan dengan memicingkan mata- jadi apa yang dinafkahkan itu pilihlah yang baik yang andai kata yang diberi tentu suka menerima dan merasa gembira- dan ketahuilah olehmu semua bahawa sesungguhnya Allah itu Maha Kaya lagi terpuji. 145

Segala bentuk rezeki, harta, kekayaan dan sumber di muka bumi ini adalah milik Allah. Maka anugerah ini diamanahkan kepada sesiapa yang dikehendakiNya supaya diurus dan diamanahkan menurut kehendak Allah. Oleh kerana pengurusan ini terikat kepada kehendaknya maka pemilikan manusia terhadap anugerah ini tidak mutlak, tetapi hanya dengan bentuk amanah dan ujian yang akan di pertanggung jawabkan nanti di akhirat. Pemilikan amanah ini akan menjadikan manusia menguruskannya secara yang diredhai Allah. 146

Menurut *ikhwān* tarīqah Ahmad iyyah, keperluan duniawi adalah bersifat sementara sahaja. Keperluannya adalah sebagai satu alat untuk memudahkan *taqarrub* kepada Allah semata-mata. Maka mencari rezeki dan kepentingan ekonomi dilihat sebagai urusan individu dan mereka yang mendapat kurnia rezeki yang lebih adalah berkewajipan untuk membantu mereka yang kekurangan. Dengan itu secara amalinya mereka mempraktikkan salah satu dakwah dalam Islam. Ajaran-ajaran syaykh tarīqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan dalam mencari kurnia Allah adalah semata-mata untuk memenuhi tuntutan keperluan duniawi sebagai jambatan kepada akhirat.

Berlebih-lebihan dalam menggunakan rezeki Allah tanpa berlandaskan syari'at adalah dilarang sama sekali. Sebab itulah dalam mengadakan majlis sambutan perayaan dalam Islam atau majlis memperingati kematian para syaykh tar iqah Ahmad'iyyah atau majlis haul, perbelanjaan yang digunakan adalah sekadar untuk menjamu mereka yang datang. Tidak wujud sama sekali pembaziran untuk menjayakan majlis tersebut.

Jelasnya, perjalanan golongan sufiyyah itu adalah untuk mencapai keredhaan Allah.

Oleh yang demikian, kita melihat kebanyakkan *ikhwān* tarīqah Ahmad'iyyah tidak menjadikan persoalan wang atau kekayaan sebagai agenda utama dalam kehidupan seharian mereka.

## Kesimpulan

Kesimpulan daripada semua perbincangan di atas dapatlah dirumuskan kepada beberapa perkara penting. Antaranya ialah kedudukan para syaykh tar iqah Ahmad iyyah itu dalam ilmu tasawwuf dan Islam khususnya adalah amat penting bagi seseorang murid dalam mencapai tauhid dan ma'rifatu-Llāh yang sebenar. Tanpa wasilah seseorang syaykh yang memimpin, amat sukar sekali untuk seseorang murid atau sālik yang ingin berjaya dalam mujahadah untuk mencapai matlamat perjalanannya.

Dalam ajaran ṭaraqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan, pentingnya bagi seseorang murid menghubungkan dirinya dengan bergaul dan berdamping dengan syaykh yang memimpin. Ini adalah untuk mendapatkan keberkatan dan limpahan kerohanian dari syaykh itu samapai kepadanya. Dalil-dalil dari al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. adalah amat jelas sekali memperkatakan tentang hal ini. Maka tidaklah boleh seseorang itu mengingkari apa yang datangnya dari Allah dan Rasul kerana sifat ini adalah sama dengan sifat orang-orang kafir yang sentiasa menentang kebenaran.

Disiplin dalam ilmu tasawwuf itu menjelaskan lagi bahawa murid yang ingin berjaya dalam perjalanannya, mestilah menjaga adab pergaulannya samada ketika bersama syaykh yang memimpin atau dengan saudara-saudara dalam amalan tar qah nya. Tanpa adab, seseorang murid itu tidak akan dapat merasa limpahan-limpahan kurnia dari Allah. Malahan lebih malang lagi mereka ini akan terpesong dan seolah-olah berada dalam keadaan meraba-raba dalam kegelapan.

Pengamal tariqah Ahmad iyyah di Negeri Sembilan juga tidak boleh meninggalkan muamalah sehariannya selagi mereka itu belum sampai masanya. Atau dalam erti kata yang lain, mereka itu tidak boleh berpindah dari kedudukan maqāmat dan ahwalnya selagi belum masanya. Hanyalah dengan pimpinan syaykhnya sahaja barulah mereka itu boleh berpindah kedudukan dalam amalan kerohaniannya. Dengan membawakan contoh-contoh kehidupan sosial dan muamalah ekonomi di atas tadi, menjelaskan lagi maksud ini.

Selain dari itu para pengamal ajaran taṣawwuf juga perlu memahami bahawa kurniaan Allah melalui kejadian-kejadiannya hanya sebagai alat untuk mereka mencari keredhaan Allah. Kemewahan, kekayaan, limpahan rezeki, nikmat di atas dunia adalah bersifat sementara dan bukanlah menjamin kebahagian di akhirat. Maka murid atau seseorang salik itu perlu menggunakan semua itu untuk memikirkan tentang sifat-sifat keagungan Allah, kekuasaannya yang meliputi sekalian alam dan memandang Allah semata-mata.

- <sup>4</sup> Peristiwa ini berlaku pada tahun ke Tujuh Hijrah, setelah kembali daripada peperangan Khaibar. Nabi s.a.w. berada selama tiga hari di Kota Mekah sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian Hudaibiyyah. Lihat Abd Salam Harun, *Tahzib Sirah Ibn Hisyam*, Maktabah al-Sunnah, Cet. 6, Qaherah, 1889M, hal. 209
- <sup>5</sup> Surah al-Fath, ayat 27
- <sup>6</sup> Antara sahabat yang memeluk Islam selepas peristiwa tersebut ialah Khalid bin Al-Walid, Uthman bin Abi Talhah dan Amru bin Al-As.
- <sup>1</sup> Abd Hadi Awang, Fiqh al-Harakah fi al-Sirah al-Nabawiyyah, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, Jilid 2, hal. 244.
- 8 Surah Ali Imran, ayat 159
- 9 Surah Al Ahzab, ayat 21
- <sup>10</sup> Abū Talib al-Makki, Qut al-Qulub, Maktabah al-Matbani, Kaherah, t.t. hal. 158
- 11 Surah al-Fussilat, ayat 33
- 12 Surah Yusuf, ayat 108
- <sup>13</sup> 'Abd Ḥalim Mahmud, al-Munqidh Min al-Dhalal li Hujjat al-Islām al-Ghazali, Maktabah al-Ingilo Al-Masriyyah, Kaherah, Cet. 4, hal.64-65. Lihat juga Abd Samad al-Falembangi, Siyar al-Salikin, Matbaah Mohd Nahdi Wa Auladihi, Thailand, Jil.1-2, t.t., hal. 186

- <sup>16</sup> Ibnu 'Ajibah, Ahmad bin Muhammad, Iqaz Al-Himam Fi Syarh Al-Hikam Li Ibnu 'Ajibah, Dar Al-Fikr, t.t., Juzuk 1, hal, 157
- 17 Al-Hujwiri, 'Ali bin Uthman, Kasyf al-Mahjub, Jil. II, Dar al-Nahdah, t.t., hal. 237
- 18 Zakaria al-Kandahlawi, al-Syariah Wa al-Tarigah, Dar al-Rashid, Kaherah, 1399H, hal. 99
- 19 'Abd Qadir Isa, Haqaiq An Al-Tasawwuf, Diwan Press, England, 1970, hal. 612
- <sup>20</sup>Abu Hassan 'Ali al-Nadawi, Rijal al-Fikr wa al-Da awah fi al-Islam, Damshiq, 1379H, hal. 250
- <sup>21</sup> *Ibid*, hal, 250
- <sup>22</sup> Ibn 'Átai-ilLah al-Sakandari, Lathaif al-Minan, Mesir, 1961M, hal. 69-70
- <sup>23</sup> Surah Ali-Imran, ayat 73

<sup>&</sup>lt;sup>1</sup> Surah An-Nahl, ayat 125

<sup>&</sup>lt;sup>2</sup> Ibrahim al-Baijūri Syarh al-Jawharah, al-Azhariyyah, Kaherah, 1352 H., hal. 133

<sup>&</sup>lt;sup>3</sup> Surah al-Jumuah, ayat 2

<sup>14</sup> Ibid., hal. 60

<sup>15</sup> Ibrahim al-Baijuri, op. cit., hal. 133

- Nama sebenar beliau ialah Syed Abd Rahman bin Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus. Terkenal dengan gelaran Engku Chik atau lebih dikenali dengan gelaran Tok Ku Paloh. Bapanya juga adalah anak 'ulama' besar Terengganu bergelar Tok Ku Tuan Besar. Lihat Muhammad Abu Bakar, 'Ulama' Terengganu, Satu Sorotan, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1991
- <sup>25</sup> Surah Muhammad, ayat 7
- <sup>26</sup> Beliau adalah *Khalifah* Kerajaan Bani Umayyah yang terkenal dengan pembukaan wilayah-wilayah baru terutama di India. Hajjaj bin Yūsof al-Thaqafi (w.95H/714M)adalah orang yang bertanggungjawab dalam penyebaran Islam dan pembukaan wilayah Islam di India. Beliau sebenarnya telah mengarahkan Panglima Muhammad bin al-Qasim iaitu anak saudara dan menantunya untuk tujuan tersebut. Muhammad bin al-Qasimlah yang telah berjaya melakukan pembukaan di India iaitu berjaya menumbangkan kerajaan Hindu Multan di Sind pimpinan Maharaja Dahir pada tahun 712M.
- <sup>27</sup> Mahyuddin Hj Yahya, Sejarah Islam, Penerbitan Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1994, hal. 449
- <sup>28</sup> Surah Al-Hujurat, ayat 2
- 29 Surah Al-Hujurat, ayat 4
- 30 'Abd Qādir Isā, op. cit., hal. 103.
- 31 Muhammad Amin al-Kurdi, Tanwir al-Qulub, Qahirah, Dar al-Fikr, t.t, hal. 529-530
- 32 Surah al-Hujurat, ayat 1
- 33 'Abdul Qahir al-Sahrawardi, Awarif al-Ma'arif, Dar al-Kitab Al-Arabi, Beirut, Cet. I, 1966, hal. 403
- 34 Ibid
- 35 Hadith riwayat Abu Daud, Bab al-Adab, hadith 2599
- <sup>36</sup> Abd. Wahab al-Sha'rani, al-Anwar al-Qadsiyyah Fi Ma rifah Qawaid al-Sufiyyah, Maktabah al-Ma'arif, Beirut, 1408H/1988M, hal. 190
- 37 Surah al-Israa', ayat 23
- 38 Op. cit hal. 176
- Beliau adalah salah seorang daripada empat utusan Mekah yang dihantar oleh musyrikin Quraisy berunding dengan Nabi dalam peristiwa Hudaibiyyah yang berlaku pada bulan Zulkaedah, tahun keenam hijrah. 'Urwah bin Mas'ud diutuskan selepas tawaran dan rundingan yang dilakukan oleh Budail bin Warqa' al-Khuza'ei dan Mikraz bin Hafs gagal serta ditolak oleh Nabi s.a.w. Beliau juga gagal dalam rundingan tersebut dan kembali ke Mekah dengan cadangannya sendiri supaya pemimpin Mekah menerima rundingan Nabi s.a.w.
- <sup>40</sup> Abd Hadi Awang, *loc. cit.*, hal. 236-237. Lihat juga huraian Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti dalam bukunya *Fiqh al-Sirah al-Buti* berhubung dengan sifat *tabarru*' dan bagaimana perlakuan para sahabat menghormati Nabi s.a.w. serta amalan-amalan sahabat dalam kaedah mengambil keberkatan dari diri Nabi sendiri.

- Lihat Majmu' al-Zawaid, loc. cit, hal. 388. Hadith berhubung dengan mencium tangan dan kaki Nabi s.a.w. itu banyak di riwayatkan dalam Şahih Bukhari dalam Bab al-Adab al-Mufrad 253, Ibn Majah Bab Taqbil al-Yad 1221, Muslim Kitab al-Iman 25, Turmudhi 2011, Abu Daud 5225, Ibnu Majah 4187
- <sup>42</sup> Salamat Dardir bin Ali, Mashru iyyah Taqbil A'di al- 'Ulama' Fi al-Islam, dalam Al-Tariqah, Kaherah, Bil 5, 1994., hal. 44
- 43 Thid
- 44 Surah Al-Taubah, ayat 119
- <sup>45</sup> Musnad Ahmad, Bab Asyirah, hadis no. 17
- 46 Surah al-Kahfi, ayat 66
- 47 Surah al-Kahfi, ayat 70
- 48 Surah al-Fath, ayat 10
- <sup>49</sup> Riwayat Turmuzi, hadith 2606
- <sup>50</sup> Beliau telah berkhidmat dengan keluarga Syaykh Muhammad Sa'id semenjak zaman belianya. Beliau juga tinggal bersama-sama keluarga Syaykh Ahmad supaya mudah untuk melayani kehendak gurunya.
- Penulis mendapati beberapa syaykh tariqah yang ditemui, mempunyai pembantu yang tinggal bersamasama mereka. Mereka menguruskan keperluan guru-guru dan keluarganya. Antara tugas mereka ialah memastikan makan-minum syaykh, tepat tidurnya, pakaiannya, urusan-urusan tetamu, menyampaikan amanah-amanah syaykh dan sebagainya. Sebahagian mereka ini ada yang muda dan ada yang sudah berumur.
- 52 Surah Al-Taubah, ayat 119
- 53 Surah al-Saff, ayat 14
- 54 Abd Oadir Isa, op. cit., hal. 45
- Hadith riwayat Muslim, *kitab al-Imarah*, hadith 3544 dalam Saḥih Muslim. Lihat juga riwayat Bukhari dalam *kitab al-I'tisam* dengan lafaz yang lain, lihat juga Turmudzi dalam *kitab al-Fatan* dan Ibn Majah dalam *kitab al-Sunnah*.
- 56 Surah al-Kahfi, ayat 28
- 57 Surah Luqman, ayat 15
- 58 Surah Al-Furgan, ayat 27-29
- 59 Shaikh Abd Qadir Isa, op. cit., hal. 53
- Salah seorang pembantu kepada Syaykh Muhammad Hamid iaitu Hj. Fadhil bin Abd Kadir, menegaskan bahawa sepanjang pergaulannya dan hubungannya sebagai pembantu kepada Syaykh ini beliau banyak mendapat ilmu.
- 61 Ibnu Ajibah, op. cit., hal. 7

<sup>62</sup> Taha Abd Baqi Surur, Shahsiyyah Sufiyyah, Matbaah Mustafa Al-Bab Al-Halabi, 1368H, hal. 154

<sup>63</sup> Hadith riwayat An-Nasai, Kitab al-Mawaqit, hadith 606

<sup>64</sup> Surah al-Kahfi, ayat 70

<sup>65</sup> Surah al-Kahfi, ayat 82

<sup>66</sup> Surah al-Fath, ayat 26

<sup>67 &#</sup>x27;Abd Hadi Awang, op. cit., hal. 72

<sup>&</sup>lt;sup>68</sup> Penulis semasa menemuramah para *ikhwan* tariqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan mendapati mereka ini juga membahaskan diri penulis sebagai 'Tuan'. Mungkin sebagai tanda hormat sahaja.

<sup>69</sup> Surah al-Hujurat, ayat 3

<sup>70</sup> Surah al-Lail, ayat 18-21

<sup>&</sup>lt;sup>71</sup> Surah Ali Imran, ayat 31

Penulis semasa dalam penyelidikannya mendapati rumah Tuan Haji Daud bin Umar adalah bersebelahan dengan rumah Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'id. Beliau kini berumur sekitar lapan puluhan. Penulis dalam kesempatan yang lain, telah menziarahi Tuan Guru Syaykh Anas di Kampung Babus Salam, Langkat, Sumatera. Beliau adalah seorang Syaykh tariqah Naqsyabandiyyah al-Khalidiyyah titisan dari keluarga Syaykh Abdul Wahab Rokan atau lebih dikenali Tuan Guru Babussalam, Langkat. Mempunyai beberapa orang pembantu yang sentiasa menguruskan keperluan beliau. Mereka ini berkhidmat sebagai murid yang menguruskan keperluan shaikhnya dan keluarganya. Mereka juga kebanyakkannya tinggal bersama-sama shaikh. Beberapa bulan selepas majlis ziarah penulis, penulis mendapat berita beliau telah meninggal kerana keuzurannya pada 1 Muharam 1418H hanya beberapa bulan sahaja selepas kunjungan penulis ke Babus Salam, Langkat. Penulis juga berkesempatan meninjau dengan beberapa lagi pusat ajaran tar'iqah serta markas kegiatan guru-guru tar iqah seperti markas tar'iqah Naqsyabandiyyah Qadirun Yahya yang dipimpin oleh Syaykh Prof. Qadirun Yahya di Medan yang mempunyai puluhan murid yang berkhidmat menguruskan keperluannya dan perjalanan tar'iqah tersebut.

<sup>&</sup>lt;sup>73</sup> Abd Salam Harun, op. cit. 218-220

<sup>74</sup> al-Sha'rani, loc. cit. hal. 173

<sup>&</sup>lt;sup>75</sup> Surah Al-Bagarah, ayat 282

Ahmad bin Idris, Kanz As-Saadah Wa Al-Daawat Al-Mustajabah, Dar Fad Al-Arabi, Kaherah, 1492H, hal. 29

<sup>&</sup>lt;sup>77</sup> Abu Hamid al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, Jilid III, (Mustafa al-Babi, Mesir, 1346H), hal. 65

<sup>78</sup> Soleh al-Ja'afari, Husn Aman Min Syaitan Min Al-Jan Min Al-Insan, t.t., hal. 3-4

<sup>79</sup> Ahmad bin Idris, op. cit., hal. 29

<sup>80</sup> Surah al-Anfaal, ayat 47

<sup>&</sup>lt;sup>81</sup> Ibn 'Ajibah, al-Futuhat al-Ilahiyyah Fi Sharh al-Mabahith al-Asliyyah, Dar al-Fikr, Beirut, t.t., hal. 305

<sup>&</sup>lt;sup>82</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal. 58

<sup>83</sup> Surah An-Nuur, ayat 11

<sup>&</sup>lt;sup>84</sup> Al-Sha'rani, 'Abd Wahab, *Dararul-Ghawwas*, Dar al-Kutub, Cairo, 1985M, hal. 77

<sup>85</sup> Ahmad bin Muhammad Sa id, op. cit., hal. 32-33

<sup>86</sup> Surah al-Hujurat, ayat 12

<sup>87</sup> Surah An-Nisa, ayat 69

<sup>88</sup> al-Falembangi, 'Abd Samad, op.cit, hal. 112

<sup>89</sup> Ibid., hal. 113

<sup>90</sup> *Ibid*.

<sup>91</sup> Surah al-Maidah, ayat 2

<sup>92</sup> Hadith riwayat Ibn Majah, Lihat Tanwir al-Qulub, loc. cit., hal. 537

<sup>93</sup> Al-Falembangi, 'Abd Samad op. cit., hal. 118

<sup>94</sup> Surah al-Fath, ayat 29

<sup>95 &#</sup>x27;Abd Qadir Isa, op. cit., hal. 101-102

<sup>96</sup> Surah Al-Nuur, ayat 38

<sup>97</sup> Surah Al-Hujurat, ayat 12

<sup>&</sup>lt;sup>98</sup> Temuramah dengan pemimpin tariqah Ahmadiyyah, Hj Murtadha bin Hj Ahmad pada November, 1997

<sup>99</sup> Surah al-Israa', ayat 15

<sup>100</sup> Ibn 'Ajibah, op. cit., hal. 10

Di antara beberapa *ikhwan* tariqah yang mempersoalkan kepimpinan beliau ialah Tuan Haji Hassan bin Abdullah, Tuan Haji Tain, Tuan Haji Sulaiman, Tuan Haji Jani, Tuan Haji Hussein Ma'un dan Cik Yusof. Mereka inilah yang pernah dipanggil oleh Shaikh Ahmad untuk berbincang.

Mahmud Saedon Awang Othman (edit), Al-Syaykh Hj Ahmad bin Al-Syaykh Hj Muhammad Sa'id Jamaluddin al-Dandarawi Dalam Ingatan (1910-1964), Penerbitan TKI, Seremban, 1981., hal. 19

<sup>103</sup> Musnad Ahmad, Musnad al-Qabail, hadith no. 26260

- 104 Op. cit., hal. 21
- 105 Surah al-Israa, ayat 80
- 106 Surah al-Qalaam, ayat 4
- 107 Shahih Muslim, Kitab al-Fadhail, hadith no. 4285
- 108 Shahih Muslim, Kitab al-Salam, hadith no.4023
- 109 Surah al-Hijr, ayat 88
- 110 Musnad Ahmad, Bagi Musnad Mukaththirin, Hadith no.11299
- 111 Shahih Muslim, Kitab al-Jannah wa Sifatan Nai maha wa Ahliha, Hadith no. 5109
- 112 Sunan Abu Daud, Kitab Kharaj wa Imarah wa Fiai, hadith no.2543
- 113 Shahih Bukhari, Kitab al-Silah, hadith no. 2495
- 114 Shahih Bukhari, hadith no.8108
- 115 Surah al-Mujadalah, ayat 11
- 116 Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Zuhd, hadith no. 2314
- 117 Al-Kurdi, loc. cit., hal. 538
- 118 Shahih Bukhari, Kitab al-Adab, hadith no. 5630
- 119 Surah al-Saff, ayat 14
- 120 Surah al-Hasyr, ayat 7
- 121 Surah al-Taubah, ayat 100
- 122 Ahmad bin Muhammad Sa'id, loc. cit., hal. 41
- 123 Surah al-Nur, avat 55
- <sup>124</sup> Abd Samad al-Palembangi, op. cit, hal. 122
- 125 Ibid., hal. 122. Perbincangan ini dihuraikan dengan lebih jelas dalam Raudat al-Salihin Fi Tabaqah al-Auliya wa Saadati al-Muqarrabin. Lihat juga Madarij al-Salikin dan 'Aqaid al-Sufiyyah.
- 126 SurahYusuf, ayat 55
- 127 Surah Al-Bagarah, ayat 168
- Muhammad Abdul Manan, Islamic Economy: Teory And Practise (terj) Radhiah Abdul Kader, A.S. Nordeen, Kuala Lumpur, Jil. 1, Cet. 1, 1989, hal. 53.
- 129 Surah Al-Qasas, ayat 77

masa yang sama pemimpin besar tariqah Ahmadiyyah iaitu Syaykh Ibn Hussein iaitu cicit kepada Sidi Ahmad al-Dandarawi dari Abu Dhabi hadir tanpa diduga, tiga hari sebelum majlis yang dijadualkan bermula pada 4 januari 1997M. Dalam hal ini mungkin beberapa pihak akan terpaksa menanggung sedikit kesukaran untuk melancarkan majlis ini, kerana kehadiran seorang pemimpin besar seperti beliau, tentulah seboleh-bolehnya kecacatan majlis dielakkan. Bagaimanapun dari pemerhatian penulis, majlis

berjalan dengan baik sekali walaupun ada berlaku sedikit kekeliruan di kalangan ikhwan tariqah yang menyangka majlis dhikir akan berterusan selepas solat isyak sebagaimana lazimnya.

menyangka majlis anikir akan berterusan selepas solat isyak sebagaimana lazimnya.

135 Penulis telah hadir beberapa kali dalam majlis haul yang diadakan di Pondok Rasah sering menyaksikan bagaimana kebanyakkan ikhwan tariqah terutama golongan dewasa dan belia yang melakukan kerja-kerja penyediaan makanan dan minuman adalah dari kalangan keluarga besar Syaykh Muhammad Sa'id sendiri. Beberapa ikhwan tariqah yang rapat dan biasa dengan ahli keluarga ini juga turut serta membantu. Manakala ikhwan tariqah lain yang hadir dalam majlis tersebut kebanyakkannya menumpukan perhatian kepada majlis dhikir. Seolah-olah sebagai tetamu kepada majlis tersebut dan tetamu kepada keluarga Syaykh Ahmad.

<sup>130</sup> Hamdan Hassan, op. cit., hal. 46-47. Lihat al-Musawwar al-Dandarawi, Kaherah Januari 1982, hal. 42

<sup>131</sup> Usrah Dandarawiyyah ialah organisasi yang asalnya adalah keluarga ikhwan tariqah Ahmadiyyah di Mesir. Selepas kematian Muhammad bin Ahmad al-Dandārawi (1909M)kepimpinan tariqah Ahmadiyyah di Mesir. Selepas kematian Muhammad bin Ahmad al-Dandārawi (1909M)kepimpinan tariqah Ahmadiyyah di pegang oleh anaknya Sidi Abu 'Abās bin Muhammad sehinggalah kematiannya pada 1953M. Kemudiannya Amir Fadil bin Abu 'Abās yang lebih dikenali sebagai Abu Fad, anaknya, menggantikannya sebagai pemimpin tariqah Ahmadiyyah. Beliaulah yang mempelopori kegiatan Usrah al-Dandarawi. Beliau tidak pernah menyebut al-Dandarāwiyah sebagai satu organisasi tariqah tetapi sebaliknya selalu menyebut sebagai usrah atau keluarga al-Dandarāwiyyah dengan syarat-syaratnya yang agak longgar dari kebiasaan disiplin ilmu tariqah. Salah satu kumpulan tariqah Ahmadiyyah di Malaysia yang berpusat di Kota Baharu, Kelantan juga menamakan kumpulan mereka dengan gelaran Usrah al-Dandarāwiyyah. Kumpulan yang dimaksudkan ini dipimpin oleh Tuan Haji Shaari Hussein

<sup>132</sup> Hamdan Hassan, op. cit., hal. 50

<sup>133</sup> *Ibid*, hal. 50

<sup>134</sup> Mailis Haul tahunan ini biasanya diadakan seminggu sebelum ketibaan Ramadhan. Kebetulan pada

<sup>136</sup> Penulis sendiri telah berjumpa dengan beberapa individu sebagaimana yang disebutkan di atas dalam masa menjalankan kajian untuk disertasi ini.

<sup>137</sup> Surah Al-Baqarah, ayat 201

<sup>138</sup> Ahmad bin Muhammad Sa'id. op. cit., hal. 31

<sup>139</sup>Lihat riwayat hidup Syaykh Abd Wahab Rokan oleh H.A. Fuad Sa'id, Syekh Abd Wahab ; Tuan Guru Babussalam, Pustaka Babussalam, Medan, 1991

<sup>140</sup> Wawancara dengan anak Syaykh Ahmad iaitu Syaykh Murtadha di pejabat beliau pada 23 Oktober

<sup>141</sup> Surah Al-Maidah, ayat 2

<sup>142</sup> Shahih Bukhari, hadith no. 1347

<sup>&</sup>lt;sup>143</sup>Madrasah yang dimaksudkan di sini ialah Madrasah Sa'idiyyah yang didirikan oleh Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'id. Madrasah ini kemudiannya menjadi markas kepada seluruh *ikhwan* tar'iqah Ahmadiyyah di Negeri Sembilan dan *ikhwan* tar'iqah dari luar Negeri Sembilan yang mengikuti perjalanan tar'iqah ini. Madrasah ini masih lagi kekal hingga sekarang dengan beberapa pembaharuan. Selain dari Madrasah yang terletak di Rasah ini, terdapat beberapa madrasah dan pusat pengajian yang dikenal pasti didirikan oleh para tar'iqah seperti Madrasah di Ampangan di pimpin oleh Syaykh

<sup>&#</sup>x27;Abdullah bin Muhammad Sa'id Madrasah Haji Ali atau dikenali sekarang sebagai Pondok Tuan Guru Haji Ali Seliau dan lainnya.

144 Surah Al-Baqarah, ayat 276-277

<sup>145</sup> Surah al-Baqarah, ayat 267

<sup>&</sup>lt;sup>146</sup> Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1933,